

Jilid 1

Bil. 1



Hari Selasa
2hb September, 1975

LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG KEDUA
Second Meeting

Jilid 1
Bil. 1



Hari, Selasa
2hb September, 1975

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT

FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG KEDUA
Second Meeting

KANDUNGANNYA

MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH [2]
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN [2]
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN [15]
JAWAPAN KEPADA SOALAN 6 [20]
RANG UNDANG-UNDANG [46]
USUL-USUL [90]
PENAWANGGUHAN [91]

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KEDUA

MESYUARAT YANG KEDUA

Hari Selasa, 2hb September, 1975

HAZIR :

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)	
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)	
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Ahmad, P.U.P.)	
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)	
" "	Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" "	Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)
" "	Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
" "	Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah, J.P.)
" "	Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" "	Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" "	Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng <i>alias</i> Khor Gark Kim)
" "	Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh <i>alias</i> Mat Noor, P.J.K.)
" "	Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
" "	Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
" "	Kawasan Paya Terubung (Encik Khoo Teng Chye)
" "	Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" "	Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed <i>alias</i> Mahmud, P.P.N.)
" "	Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
" "	Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah)
" "	Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)
" "	Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" "	Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin <i>alias</i> Md. Noor bin Ahmad)
" "	Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" "	Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" "	Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" "	Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan <i>alias</i> Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" "	Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
" "	Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Lee Thin Pee, P.K.T., P.J.K., P.T.N.)

1. DOA.

2. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Kertas-kertas Bilangan 8 hingga 10, tahun 1975 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

Datuk Yang Dipertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 22 (1) mengarahkan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam meletakkan Risalat Bilangan 11 dan 12, Tahun 1975.

Ahli Kawasan Paya Terubung (Encik Khoo Teng Chye): Datuk Speaker, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Kertas-kertas Bilangan 11 dan 12, Tahun 1975 iaitu Lapuran Verbatim Penyaksi-penyaksi di dalam Jawatankuasa Kira-kira Awam di atas Kira-kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1971 dan Lapuran Jawatankuasa Kira-kira Awam di atas Kira-kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1972 dan lapuran Juru Odit Negara atasnya.

3 (A). JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

(I) Ahli Kawasan Paya Terubung (Encik Khoo Teng Chye) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Peruntukan telah dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan Negeri bagi tahun 1974 dan telah diluluskan dalam tahun 1973 untuk pembinaan Jalan Balik Pulau/Relau. Sehingga hari ini kerja pembinaan masih belum dimulakan lagi. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi sebab-sebab bagi kelewatan ini?

- (1. Provision has been included in the State Development Estimates for 1974 and approved in 1973 for the construction of the Balik Pulau/Relau Road. To date construction has not commenced. Can the Honourable Chief Minister give reasons for the delay?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tidak ada kelewatan, sebab itu saya ingat bahagian soalan yang kedua tidak berbangkit.

Ahli Kawasan Paya Terubung (Encik Khoo Teng Chye): Datuk Speaker,

Soalan Kedua:

2. Jalan Ayer Itam dari simpangnya di Jalan Bukit Bendera sampai ke Jalan Padang Tembak adalah terlalu sempit bagi lalulintas yang sesak pada masa sekarang. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?

- (2. Ayer Itam Road from its junction at Penang Hill Road to Rifle Range Road is too narrow for the existing heavy traffic. Can the Honourable Chief Minister let us know what steps have been taken to alleviate this problem?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, perkara ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kerja Negeri untuk menyelaraskan rancangan bagi melebarkan jalan dengan rancangan-rancangan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Jalan, Majlis Bandaraya George Town.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan, bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas terangkan kepada Dewan ini Pihak Berkuasa perbaik jalan-jalan macam Ayer Itam iaitu di bawah Pihak Berkuasa Negeri atau Lembaga?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, jalan daripada Thean Tek ke bulatan ke Stesyen Keretapi Bukit Bendera adalah diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya sendiri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi Tuan Speaker, saya tanya berkenaan jalan seperti Jalan Ayer Itam—dari Bukit Bendera sampai bandaraya. Jalan itu di bawah kuasa siapa? Bolehkah saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris? The supplementary question I am asking the Honourable Member from Bayan Lepas is this: To improve such roads as the road from Ayer Itam to the town, and roads macam Macalister Road, Burmah Road and so on. Is this under the authority of the State Government or the authority of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, itu ialah soalan lain. Jadi saya tak benarkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bukan Tuan Speaker, ini ada sangkut, sebab saya tanya—dengan izin—the Ayer Itam Road, from its junction at Penang Hill Road to Rifle Range Road is too narrow for the existing heavy traffic; can the Honourable the Chief Minister let us know what steps have been taken to alleviate this problem? So steps must be taken accordingly. But who will take those steps? The supplementary question is: Who will take those steps? The State Government, J.K.R., or L.P.K.T.? Ini ada sangkut, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Soalan itu telah dijawab.

(II) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) bertanya kepada Ketua Menteri:

Tuan Speaker, soalan pertama.

1. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa satu dasar telah dirumuskan oleh L.P.K.T. Pulau Pinang untuk menghadkan pembangunan di Kawasan Bandaraya sebanyak 4 tingkat bangunan. Bolehkah Kerajaan Negeri mengarahkan Lembaga supaya mengubah dasar ini demi kepentingan orangramai?
- (1. Is the State Government aware of a policy made by the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang limiting development in the City Area to 4 storey buildings. Will the State Government direct the Lembaga to alter this policy in the public interest?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Lembaga dan Kerajaan Negeri faham, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang tidak pernah mengambil sebarang keputusan dasar untuk menghadkan semua pembangunan di kawasan bandaraya kepada empat tingkat bangunan sahaja. Sebab itu bahagian dua dalam soalan tidak berbangkit.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya mahu tanya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, ada betulkah saya ada dapat tahu dari seorang Pengurus Bank di dalam Pulau

Pinang, dia mahu buat satu bangunan 8 tingkat tetapi Lembaga ada bagi dia tahu, oleh sebab kita ada satu "Angkasa Perdana" janganlah buat satu bangunan in competition with the Urban Centre. Is it true that there is such a case?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, itu adalah soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Apa semua soalan-soalan lain? Jadi bagaimana kita boleh tanya soalan tambahan? Ini ada sangkut.

Tuan Speaker: Yang Berhormat keputusan saya ialah soalan itu hendaklah di atas soalan ini, janganlah keluar lebih daripada itu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah saya tanya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengapa bangunan-bangunan tersebut tidak boleh dibenarkan lebih dari 4 tingkat?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sungguhpun soalan tambahan ini tidak berikut soalan yang ada dan tidak sangkut dengan jawapan saya tetapi saya fikir Yang Berhormat Ahli dari kawasan Pekan Bukit Mertajam dan sungguhpun Ahli Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal bawalah satu perkara yang besar sekali sebab kita semua mesti faham bagaimana bangunan-bangunan di dalam bandaraya dikawal oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

Apa yang kita tahu, dasar yang telah diambil di dalam bandaraya ialah supaya ditentukan penyamaan garis-garis panduan terhadap kawalan kemajuan perdagangan di dalam bandar yang telah disediakan dan diterima oleh Majlis Bandaraya pada 8hb Mac, 1974; dan asas kawalan yang ditubuhkan di dalam garis-garis panduan adalah berdasarkan kepada pertimbangan petak dan bukan kepada tingginya atau peringkat-peringkatnya. Pengimbangan petak bermakna pengimbangan terhadap jumlah luas lantai sesebuah bangunan dan luas petak bangunan tersebut.

Datuk Yang Dipertua, saya minta izin berulang balik dalam bahasa Inggeris sebab saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli dari pihak Pembangunan pun terima perkara ini. The important thing, Sir, is not a question of how many storeys. It is a question of plot ratio and plot density. So there may be a lot where the area is small, but because of the restriction in plot ratio you cannot go up two storeys or three storeys. But if the area is very large and still falls within the plot ratio that has been established, you may be able to go up much higher than 8 or 10 or 12 as in the case of the Merlin and Ambassador Hotels in Penang Road. The restriction is not on the question of the number of storeys, but the question on the guideline is actually on plot ratio. By plot ratio it means virtually, if you have let's say, 1 acre of floor space—I mean ground space—and you give a plot ratio of 2 in an area, then you are able to produce a total amount of the equivalent of about 88,000 sq. ft. which is two times one acre. That is the plot ratio. Now there has been a lot of misconception over this because in some areas the buildings goes up, as I say, like in Ambassador, Merlin, and so on. And of course recently there has been a lot of speculation over the question of the Urban Centre. Why does it go up so high and at other places it doesn't go up that high? Because even in the case of the Urban Centre the plot ratio for the whole project is approximately just over 5:1. That is within the policy of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

Saya haraplah selepas jawapan saya ini tidak ada guna lagi kita bawa perkara ini sebablah saya ingat ahli Yang Berhormat Kawasan Pekan Bukit Mertajam ada bawa satu perkara yang tidak berguna sebab banyak kali rakyat-rakyat salah faham. Kawasan petak-petak ialah kawalan peringkat-peringkat bangunan atau peruntukan *plot ratio*. Jadi saya harap jawapan yang saya beri keterangan kita ambil di dalam Majlis ini dan tak payah lagi kita gaduh-gaduh sebab dua-dua pihak di dalam Majlis ini tidak faham perkara ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, dengan izin: We are not coming here to *gaduh*. We are here to find out the facts and figures and I hope the Honourable the Chief Minister will withdraw that word *gaduh-gaduh*. It is not right that we come to the House to gaduh-gaduh.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): What is "gado-gado"? (*ketawa*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Quarrel. That is the right word to use. But we are not coming here to quarrel.

Sir, the supplementary question I want to ask the Honourable the Chief Minister is: Has the Lembaga laid out definitely the kind of map showing the plot ratio in every area in the State? Is there any existing map or is the plot ratio decided from time to time by the officials of the Lembaga? Is the plot ratio already laid down in the map or is it to be decided from time to time?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, apa saya dapat tahu dan Kerajaan Negeri dapat tahu daripada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ialah pada 21hb Januari, 1974, Majlis Bandaraya lama yang sekarang menjadi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan satu salinan nota-nota bersamaan pelan deraf, Pelan Perlindungan Sementara No. 1 tahun 1973 untuk kawasan bandar dan berikut pelan itu adalah pelan beruntuk kawalan-kawalan di dalam bandaraya lama. Berikut tujuan pelan itu sebab pelan itu pelan Perlindungan Sementara sahaja dan selalu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ada kuasa bertukar-tukar dasar yang sekarang ada.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, soalan kedua.

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengesahkan bilakah Projek Cendawan akan mula diusahakan?
- (2. Will the Chief Minister confirm when the Mushroom project will be operational?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, kajian percubaan perdagangan Projek Cendawan yang dikendalikan oleh Malaysia Foods Sendirian Berhad telah dimulakan pada 1hb Ogos tahun ini dan tanaman cendawan yang pertama dijangka akan berhasil pada bulan Oktober.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah saya baca dalam Lapuran P.D.C., tahun 1974, satu perkara berkenaan soalan itu dalam bahasa Inggeris?

Here it says the Company has also embarked on a radically integrated activity essential for the mushroom-production process, that is the rearing of poultry for chicken manure. I want to ask a supplementary question: Is this rearing of chickens a supplementary project to help with the early implementation or operation of the mushroom project in our State by Malaysia Foods Sdn. Bhd?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Ya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Dengan izin: What does the company do with the chickens after they have been used for the purposes they have been reared? Are they being sold in the market? I hear that this kind of chicken is not very healthy for consumption, but I understand that they are being sold in the Butterworth market. Is the Honourable the Chief Minister aware of that?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sungguhpun soalan tambahan daripada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal tidak bersangkut dengan soalan yang ada dan dengan jawapan saya kepada soalan tambahan pertama daripada Yang Berhormat Ahli-ahli, sayapun terima. Kita hadir dalam Majlis ini bukan hendak bergaduh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Thank you, thank you.

Ketua Menteri: Tetapi saya rasa soalan dari Ahli Yang Berhormat tidak serupa dengan apa yang beliau sendiri

berkata tadi. Sebab itu saya minta izin menjawab dalam bahasa Inggeris bagi keterangan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Thank you.

Ketua Menteri: Mr Speaker, Sir, it is very important that this House should appreciate very carefully what is the function of this House and what is not the function of this House. Now, Malaysia Foods Berhad is a private Company where the State, through its agency the Penang Development Corporation, holds joint-venture participation. In that respect the information that comes to the State Government, and therefore to the House, is extremely indirect. It has gone through at least three levels of opinion. So although the question is a very simple question that is raised by the Honourable Member, he has expressed for example, opinions that the chicken is not good, not healthy, and all that kind of thing. Now I am sure that that kind of opinion can be taken up and dealt with by the proper authority, which is the Lembaga which deals with the selling of foods at markets in Province Wellesley; and it is not a matter to be brought up here. Nor is it in fact a situation whereby this House should be dealing with, but it's the private interest of the private limited company at the present time.

Mr Speaker, Sir, I take this opportunity to reply and I ask Honourable Members from the Opposition to restrain themselves from delving too much in the affairs of things which we do not really have absolute powers in this House to find out immediately or to reply. I say this with very great concern because in this House previously Honourable Members from the Opposition—I mean not including the majority of them who are present here today—raised questions on ventures which the Government has promoted or Government has entered into. And I assure you that private investment in Penang—or indeed anywhere—is extremely sensitive to questions that are brought up in Legislatures. And it can affect a joint-venture participation if questions that are asked have got no relevance, nor indeed are they important. And

they appear as though, or make a suggestion as though, any representative of the people in this House or this House is not happy with the joint-venture participation of the Company that is formed. So, in full reply, I had already indicated to the Honourable Member the project that he referred to and he read out, is yes. Now the other statements that he has made I think are just reflections of his own opinion and should be not dealt with here but dealt with elsewhere. I think he will accept that. I have given a fairly full reply.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan ketiga, Tuan Speaker:

3. Berapakah Rumah-rumah Murah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri di antara 24hb Ogos, 1974 sehingga hari ini?
- (3. How many Low Cost Houses have been built by the State Government between 24th August 1974 to date?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Yang Dipertua, tiada rumah-rumah murah telah dibina oleh Kerajaan di antara 24hb Ogos, 1974 sehingga sekarang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam memberitahu Dewan ini adakah sebarang pelan bagi perumahan murah untuk tahun ini dan juga tahun-tahun yang akan datang? Ada sebarang pelankah?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Yang Dipertua, saya rasa ini soalan lain, tetapi sayapun boleh jawab kepada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal. Projek pada tahun ini ialah di dalam Kampung Melayu Peringkat IV.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Satu sahaja? Terima kasih.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Datuk Yang Dipertua. Dengan izin, Tuan Speaker: Do the

figures quoted by the Honourable Member from Kawasan Ayer Itam include the houses built by the P.D.C. in Bayan Lepas and Bagan Serai?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): The answer was nothing.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat yang mula tadi telah dijawab 'Tidak'.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tidak. Nothing—no houses. Why?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan. May I ask the Honourable Member from Ayer Itam, from 24th August, 1974 till now, why are there no low-cost houses built by the State Government?

Tuan Speaker: Yang Berhormat, beliau sudah jawab 'Tidak'.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Why? Mengapa?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sebab apa?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Can he answer the question?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sebab tidak ada wang. Saya boleh jawab ini. (*ketawa*).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Minta izin menjawab dalam bahasa Inggeris. I think the Honourable Member from Bukit Mertajam would fully appreciate that the time factor to build any house has got to be taken into consideration. And to the Supplementary Question by the Honourable Member for Bagan Jermal I have a reply that in time to come within this year we are trying to put up a low-cost housing scheme. In fact, the Kampong Melayu Peringkat IV Scheme is a project which is going to be carried out by the State Government; tenders have been called and will close on the 24th September, 1975.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Dengan izin.

Can the Honourable Member from Ayer Itam let the House know how many housing units in Phase IV Kampong Melayu will be planned for this year, or next year? How many units?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Lebih-kurang empat ratus.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Jika ini satu rancangan yang ada pelan-pelan untuknya, Ahli Yang Berhormat sebagai Pengerusi Perumahan tidak tahukah *exactly how many units*?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tiga ratus sembilan puluh enam.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Dengan izin:

Is it true that the Honourable Member for Kawasan Ayer Itam has publicly stated that the low-cost housing project is the responsibility of the Federal Government and not of the State Government?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam, soalan itu saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): He may want to answer, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Itu saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): But he has publicly stated that it is the responsibility of the Federal Government. Is that the reason? All right, I will reframe my question, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, tadi beliau sudah menjawab iaitu Kerajaan Negeri akan membinakan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuah Speaker, soalan tambahan.

Is that the reason why the State Government up to date has not built any low-cost houses?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam, tadi (*gangguan*).

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, Yang Berhormat hendak menjawab soalan saya ini?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Ayer Itam sudahpun menjawab. Tidak payah diulangkan soalan itu lagi sekali. Beliau sudah menjawab.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Mana beliau jawab. Tuan Speaker?

Tuan Speaker: Ya, ya, sudah jawab.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Is it on record? I did not hear any answer.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya jawab—tidak ada wang.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): No, Tuan Speaker. My question is: Is it true that he has publicly stated that the low-cost housing project is the responsibility of the Federal Government and not that of the State Government? The answer is "Yes" or "No".

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam, beliau sudah jawab iaitu *State Government*.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): State Government, thank you.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker. Soalan tambahan, dengan izin.

As far as I know, in the Federal Government also there is a department or Ministry dealing with low-cost housing. What is the relationship or connection between the State low-cost housing Committee and the Federal Govern-

ment Ministry of Housing and New Villages or the Housing Trust? Is there any relationship?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, ini soalan lain. Jadi, saya tidak bawakan soalan itu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan keempat, Tuan Speaker.

4. Adakah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mengisytiharkan secara umum atau sebaliknya, harta-harta mereka kepada Ketua Menteri sebelum mereka memegang jawatan?
- (4. Have all the Exco Members declared publicly or otherwise, their assets to the Chief Minister before taking office?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tidak. Tetapi sebelum Yang Berhormat Ahli dari Parti Pembangkang membangkitkan dengan teliti, saya hendak memberi keterangan Soalan yang beliau bertanya ialah adakah mereka memberitahu secara umum "sebelum mereka memegang jawatan?". Ya, selepas memegang jawatan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, dengan izin. Tuan Speaker, will the Honourable the Chief Minister inform the House whether the State Government has any intention at all to require every Exco Member to declare his assets?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sungguhpun di dalam Majlis ini saya fikir kita mesti, di mana yang boleh, menjawab perkara-perkara yang berbangkit dalam bahasa Malaysia, tetapi apa yang saya jawab tadi, Datuk Yang Dipertua, adalah jelas sekali. Apa yang saya jawab mengikut soalan itu ialah 'Tidak' sebab soalan yang beliau bertanya kepada saya ialah adakah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Exco mengumumkan kepada saya *asset-asset* mereka sebelum mereka memegang jawatan. Mengikut soalan itu saya mesti jawab 'Tidak', sebab apa yang mereka buat, mereka memberitahu secara umum kepada saya pegangan-pegangan mereka selepas mereka menjadi Ahli-ahli Exco atau Majlis Mesyuarat Kerajaan. Saya ingat itu sudahpun jelas.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan kelima, Tuan Speaker.

5. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengadakan satu penyiasatan atas dakwaan tentang amalan makan rasuah di dalam L.P.K.T. Seberang Perai sebagaimana yang didakwa oleh Pengerusi?
- (5. Will the Chief Minister cause an inquiry into allegations of corrupt practices in the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai as alleged by the Chairman?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam telah salah menterjemahkan kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, pada 1hb Julai, tahun ini dan sebab itu soalan tidak payah berbangkit.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan, dengan izin.

Tuan Speaker, here I have a specific complaint in connection with the corrupt practice that involves a public Architect and certain members of the Lembaga. And I am prepared to give the details but I want to ask a supplementary question: If the details are given in this House will the Honourable the Chief Minister cause an inquiry into the accusation by these five kampung people in Seberang Perai who built their houses without permit.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sungguhpun soalan daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal satu soalan lagi yang tidak bersangkut dengan yang kita ada, tetapi menurut Pengerusi, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, pada 1hb Julai tahun ini, Lembaga beliau telah menubuhkan satu Biro di P. O. Box 21 yangmana perkara-perkara yang dibawa dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal bolehlah dihantar kepada Biro itu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan keenam, Tuan Speaker.

6. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengesahkan bilakah Jabatan Letrik Majlis Bandaraya akan diambil alih oleh Lembaga Letrik Negara?

(6. Will the Chief Minister confirm when the City Council Electricity Department will be taken over by the N.E.B.?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, perundingan-perundingan akhir sedang dibuat dan tarikh pengambilan-alih Jabatan Perbekalan Letrik, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang oleh Lembaga Letrik Negara akan diumumkan setelah selesai.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan ketujuh, Tuan Speaker.

7. Bolehkah Kerajaan Negeri mengarahkan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang untuk berunding dengan Operator-operator Loji Jabatan Letrik Bandaraya untuk membekalkan perkara-perkara yang tidak seimbang dan tidak saksama atas kumpulan dan syarat-syarat perkhidmatan mereka?

(7. Will the State Government direct the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang to enter into negotiations with the Plant Operators of the City Electricity Department to rectify anomalies and injustices to their classification and terms of service?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidaklah mengarahkan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang. Perkara ini adalah sepenuhnya di dalam bidang kuasa Lembaga bertindak sendiri.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan kelapan.

8. Bilakah pasar baru yang dicadangkan bagi Rumah Pangsa Padang Tembak akan dibina?

(8. When will the new market proposed for Rifle Range Flats be constructed?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Yang Dipertua, dijangkakan pada tahun 1976.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): 1976?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): 1976? Next year.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, soalan tambahan, dengan izin.

Will the Honourable Member from Ayer Itam tell us what is the estimated cost for the construction?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): The estimated cost is being studied at the present moment.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Tuan Speaker, dengan izin.

Has a proper plan been drawn up for this market yet?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Yang Dipertua, the layout plan has been prepared by the Jabatan Kerja Raya and this has been put forward to the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan for consideration and has been agreed upon. The detailed plans are being prepared and until they are ready the full estimated cost cannot be put forth.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan kesembilan, Datuk Speaker.

9. Adakah sebarang elaun dibayar kepada Datuk Teh Ewe Lim semasa beliau memangku jawatan Ketua Menteri ketika Y.A.B. sakit baru-baru ini?

(9. Was any allowance paid to Dato Teh Ewe Lim while he acted for the Chief Minister in his recent absence due to illness?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tidak.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan kesepuluh.

10. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengesahkan bahawa Kerajaan Negeri kini sedang mencuba untuk mengambil sebahagian tanah yang dimiliki oleh Tokong Cina, Goddard of Mercy, (di Lebuhraya Pitt, Pulau Pinang) bagi membina satu tempat lalulintas bagi orang-orang yang berjalan kaki? Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mempertimbangkan semula rancangan-rancangan itu?

- (10. Will the Chief Minister confirm that the State Government is attempting to acquire a portion of the land belonging to the Goddess of Mercy, Chinese Temple (at Pitt Street Penang) in order to create a pedestrian walk? If so, will the Chief Minister reconsider the plans?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, apa yang Kerajaan Negeri tahu, tidak ada rancangan sedemikian.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan ke-sebelas.

11. Sudahkah Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah untuk mengambil siswa-siswi dari University Nanyang dan University Taiwan untuk memberi pengiktirafan bagi kelayakan-kelayakan mereka? Jika sudah, sila beri butir-butir?
- (11. Has the State Government taken measures to employ graduates from Nanyang University and Taiwan University to give due recognition to their qualifications? If so, give particulars?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengambil Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan di dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan kedua belas.

12. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menukar jambatan-jambatan pembetong (culvert bridge) yang terdapat di Permatang Rawa dan Permatang Ara sepanjang Jalan Muthupalaniappan kepada jambatan-jambatan "open-span" bagi mengelak dari banjir?
- (12. What steps have been taken by the Government to change the present culvert bridges at Permatang Rawa and Permatang Ara along Jalan Muthupalaniappan into open-span bridges to prevent flooding?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, Kerajaan Negeri telah meminta J.K.R. untuk mengemukakan satu anggaran untuk pembinaan satu titi 'open-span' supaya open-span ini dapat menggantikan *culvert* dan untuk dipertimbangkan di dalam belanjawan tahun 1976.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, soalan tambahan.

Dengan izin: Will the Honourable Member for Bayan Lepas confirm that the date is specific that the 'Jabatan Kerja Raya will commence work next year?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya sudah jawab soalan itu. Perkara ini akan dikemukakan selepas kita dapat satu anggaran daripada J.K.R. dan perkara ini akan dibawa kepada belanjawan tahun 1976.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan ketigabelas.

13. Bolehkah Ketua Menteri menimbangkan perlantikan seorang Pemangku Ketua Menteri memandangkan kepada keadaan kesihatan Ketua Menteri dan juga keperluan-keperluan protokol?
- (13. Will the Chief Minister consider the appointment of an Acting Chief Minister in view of the Chief Minister's ill-health, in view of the requirements of protocol?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, perkara ini telah dan sedang dipertimbangkan.

(III) Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan pertama.

1. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghadapi "indefeasibility date-line" di bawah Akta (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) Kanun Tanah Negara? Adakah Kerajaan bercadang untuk menyambung tarikh itu?
- (1. What steps are being taken by the State Government to meet the "indefeasibility" date-line under the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act? Does the Government intend to extend the date-line?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah membawa perkara tersebut kepada Majlis Tanah Negara. Kementerian Tanah dan Galian sedang giat menimbangkan perkara ini dan suatu keputusan akan dibuat tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan kedua.

2. Apakah kepentingan kewangan atau kemajuan UDA dalam Projek Angkasa Perdana Pulau Pinang?
2. What financial or development interest has UDA in the Project Angkasa Perdana Pulau Pinang?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, pada masa sekarang tidak ada.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan.

Dengan izin: In view of the fact that there is a high cost for building this Angkasa Perdana, up to now the State Government or the Penang Development Corporation has not asked the UDA to join in as a joint venture. Has the Honourable the Chief Minister considered a further date to ask UDA to join in so as to reduce the burden of our State?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, soalan ini tidak berbangkit, sebab jawapan saya kepada soalan yang berbunyi: "Apakah kepentingan kewangan atau kemajuan UDA dalam projek Angkasa Perdana Pulau Pinang?" ialah 'Tidak ada' dan soalan yang berbangkit daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal tidak sangkut dengan soalan pertama sebab bila projek ini dimulakan beberapa tahun dahulu UDA pun ada mengambil bahagian dan mendapat taklimat dan kita selalu juga ada berunding dengan UDA.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan.

Tadi Yang Amat Berhormat ada jawab pada masa sekarang UDA tidak meminta di dalam rancangan itu, tetapi soalan tambahan saya ialah ada sangkut. Sebab apa ada sangkut? Pada masa sekarang tidak ada, tapi pada masa hadapan adakah pelan mahu minta ini UDA *to come in as a joint venture*? Ini ada sangkut betul.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya ingat bukan kita gaduh, barangkali kita tidak faham apa yang saya jawab. Saya telah jawab, UDA telah mengambil bahagian dalam tak-

limat projek ini. Dari dahulu sampai sekarang UDA ada ambil bahagian di dalam projek ini tetapi perkara yang kita lagi-lagi hendak meminta UDA, atau kita hendak tanya UDA itu lain perkara. Tetapi soalan ada atau tidak ada sekarang ialah tidak. Kita haraplah pada hari depan adalah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Thank you.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan ketiga.

3. Bagaimana kemajuan Rancangan Pusat Pembiakan Babi Kerajaan Negeri (Central Hog Breeding Scheme)?
- (3. What is the progress of the State Government's Central Hog Breeding Scheme?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Yang Dipertua diluluskannya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan keempat.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengadakan satu penyiasatan atas dakwaan-dakwaan tentang kekotoran di dalam bekalan todi dalam Negeri?
- (4. Will the Chief Minister cause an inquiry into allegations of impurities in the Toddy supply in the State?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tidak.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Datuk Speaker, saya minta Ketua Menteri jawab.

Tuan Speaker: Yang Amat Berhormat telah jawab tidak.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Tuan Speaker.

Dengan izin: In view of the fact that it is quite a serious allegation as to the impurities of toddy supplied to the State will the Honourable the Chief Minister tell the House why no enquiry has been held?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam, Yang Amat Berhormat telah menjawab tidak ada aduan apa-apa.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, 'Tidak' is no enquiry or no impurity on the toddy shop? I take it that there was no enquiry held. Is that the answer?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam, Yang Amat Berhormat telah menjawab tidak ada pengaduan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, this is not a question of whether there is a complaint. The question is: Will the Chief Minister cause an enquiry into the allegation of impurity of toddy supply in the State. The Chief Minister, I think, has answered 'Tidak' and that 'Tidak' means no enquiry has been held.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya minta izin lagi jawab dalam bahasa Inggeris and I hope, Mr Speaker, that in replying in English, I will dispel any fear that the Honourable Member from Kawasan Pekan Bukit Mertajam has. The State Government will not cause any enquiry into just any form of allegation. It may be admitted that the subject of the allegation of impurity of toddy is an important subject, but the allegation may not be an important allegation. Now if the allegations can be borne up by facts, if the allegation can be substantiated and not just brought willy-nilly, then the Government will take proper steps to look into the allegations. Now if the Honourable Members will accept that the Government is responsible for looking after the health of the public, and responsible for delivering a good service in the toddy supply, then the Honourable Member will not have this kind of fear that any allegation made by any Tom, Dick or Harry will be immediately considered as a serious allegation. Now the law is there and it is very important for the Members in this House to understand the law that prevails here. The law insists that there should be regular checks made on the toddy supply that is made, and because both the suppliers and Excise Department and the Health Authorities con-

cerned who check on this toddy are satisfied in the regular checks that the toddy delivered is of the correct quality and do not suffer from the undue impurities, that is why the Government does not consider it necessary to make any special enquiry in this particular series of allegations. In any case the question just brought up states "enquiry into allegations". Now, if Honourable Members would assist the Government in its functions and bring up specific allegations and if this allegations can be proven, then I think we will contribute largely to the benefit of the people. I think my answer is complete and I have taken that the Honourable Member from Kawasan Pekan Bukit Mertajam is fully aware also of the law which may not have been brought up.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, I wish to thank the Chief Minister for giving us such a clear answer. That was what I was trying to elucidate. The way the answer was given, just the word 'Tidak' caused some fear in us.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Dengan izin: I think this is not really directly connected with the question but I think for the sake of information I would like to ask the Chief Minister: There is a committee named as Complaints, Good Relationship and Efficiency Committee in the State to which complaints an enquiries can be written. Is this Jawatankuasa still in existence?

Tuan Speaker: Soalan itu tidak berbangkit.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, it is for our information so that if there is any enquiry we can write to that Jawatankuasa. It is for the good of the people of Penang. We want to know if this Committee is still in existence. In future we can direct the complaints and enquiries to this Committee as in the case of this toddy impurity. It requires an easy answer: Yes or No?

Tuan Speaker: Yang Berhormat, ini soalan lain. Saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): We can bring it up during the next Session.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan kelima.

5. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan gerai-gerai di Fort Cornwallis dan Tanjong Bungah?

(5. What action is being taken by the State Government in respect of the stalls at Fort Cornwallis and Tanjong Bungah?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tujuh buah gerai di Fort Cornwallis sedang disewakan kepada peniaga-peniaga menjual makanan. Sekarang tidak ada gerai-gerai kepunyaan Kerajaan di Tanjong Bungah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah rancangan-rancangan yang Kerajaan Negeri buat untuk memperbaiki Fort Cornwallis dan Tanjong Bungah in view of the fact that those places have been described by the Press as being very untidy and not very clean so that hawkers are not prepared to go there?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya bukan tidak mahu jawab soalan-soalan dari Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal sebab soalan-soalan beliau terlampau susah, tetapi soalan itu tidak berbangkit dan tidak ikut Peraturan 26 (5).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, the supplementary question is: What action has been taken by the State Government in respect of the stalls at Fort Cornwallis and Tanjong Bungah, so my supplementary question is really connected and in accordance with Standing Order 26 (5) and is directly connected with this question. What programme has the Government planned to improve these two places? What action has been taken? Why, it is exactly coinciding with Standing Order 26 (5).

Tuan Speaker: Yang Berhormat, soalan itu tidak dibenarkan. Yang Amat Berhormat sudah jawab tadi dan saya tidak benarkan lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini susahlah.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan keenam.

6. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mendapat balik perbelanjaan pembangunan berkenaan dengan tiga tapak perindustrian di Bagan Serai, Mak Mandin dan Prai?

(6. What steps have been taken by the Government to recover the development expenditure in respect of the 3 industrial sites at Bagan Serai, Mak Mandin and Prai?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Kawasan Perusahaan Negeri pada 9hb Julai, 1969 dan Jawatankuasa Pembangunan Perusahaan Negeri pada 16hb Julai, 1969. Melalui kedua-dua agensi Jawatankuasa ini, Kerajaan Negeri memulakan penjualan tapak-tapak perusahaan.

Kerajaan Negeri telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada 17hb November, 1969 dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seterusnya menjalankan galakan penjualan-penjualan tapak-tapak perusahaan ini.

Pada 15hb March, 1974 Kerajaan Negeri dengan persetujuan Kerajaan Pusat menyerahkan tanah itu kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bukan sahaja untuk dibangunkan tetapi juga untuk digunakan dan diberi milik atas faham bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan menanggung sebarang pinjaman-pinjaman yang masih terhutang dari tarikh perjanjian pinjaman semula yang tersebut tadi.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan.

Mengikut laporan Jawatankuasa Kira-kira Awam ini, Kerajaan Negeri ada perbelanjaan semua sekali jumlah sebanyak \$35 juta, dan dalam \$35 juta ini, \$18 juta ialah pinjaman dari Kerajaan Pusat. Ada lagi \$17 juta, kita ada agreement-kah to recover this money?

What steps has the State Government taken to recover this \$17 million? According to the Report of the Meeting held in 1975, the thing has not been finalised. What steps has the State Government taken to recover the \$17 million that the Government has spent in this industrial estate?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, dari agensi Kerajaan Negeri atau Perbadanan Pembangunan, Kerajaan Negeri berharap pinjaman-pinjaman untuk tapak-tapak Perusahaan bolehlah dibayar balik.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Macamana dia boleh bayar balik? Adakah satu *programme* bagi dia bayar balik?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, dalam empat hingga lima tahun selepas menubuhkan Perbadanan Pembangunan, Perbadanan Pembangunan yang kita ada dalam Negeri telah membawa berapa perusahaan-perusahaan industri masuk ke dalam Negeri Pulau Pinang dan juga rancangan-rancangan perumahan yang ada di tapak-tapak di Mak Mandin, Perai dan Bagan Serai. Daripada penjualan tanah inilah kita harap kita boleh dapat balik wang-wang untuk membayar pinjaman-pinjaman yang kita ada.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker. Dengan izin: I think in 1974 or 1975 the P.D.C. has made a grant of \$500,000 back to the State Government and the Honourable the Chief Minister has stated very proudly that now the P.D.C. can pay back to the State Government. Is this \$500,000 which was paid back to the Government meant for the repayment of \$17 million outstanding money that P.D.C. owes to the State Government or is it a special grant, nothing to do with this \$17 million?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, dengan izin: Sebablah soalan dibangkitkan dalam bahasa Inggeris saya harap Yang Berhormat Ahli dari

Kawasan Bagan Jermal terimalah jawapan saya dalam bahasa Kebangsaan. Bayaran balik untuk wang-wang itu dari P.D.C. atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri tidak bersangkutan dengan perkara yang berbangkit tadi.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan ketujuh.

7. Berapakah anggaran kos bagi Projek Masjid Negeri? Bagaimanakah keperluan-keperluan kewangan dapat ditemui dan berapa banyak telah dibelanjakan oleh Negeri setakat ini?
- (7. What is the estimated cost of the State Mosque Project? How are the financing requirements to be met and how much has been expended by the State so far?

Ahli Kawasan Bertam (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, soalan ketujuh ini ada tiga bahagian. Oleh itu saya ingin menjawab, pertama, anggaran perbelanjaan Projek Masjid Negeri sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kewangan dan perkara ini akan dilapurkan pula. Mengenai yang kedua, bagaimanakah keperluan-keperluan kewangan dapat ditemui, ertinya macamana dia dapat duit—kerana ditemui oleh orang, bagaimana dia mendapatnya—ini telahpun diikhtiarkan oleh Jawatankuasa kewangan dan sedang dijalankan sekarang ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Pusat telah berjanji untuk memberi \$1 juta, Kerajaan Negeri berjanji menguntumkan \$500 ribu. Mengikut anggaran-anggaran yang akan dibuat terpaksa menengok keadaan sekiranya ditemui—macamana soalan kita temui orang-orang yang berada, orang-orang yang ada kemampuan seluruh warganegara yang berada di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun terpaksa saya jawab sekarang ini telahpun ada seperti mana yang saya jawab tadi. Selain daripada perbelanjaan lebih-kurang \$4,672.15, ini adalah perbelanjaan untuk menyiapkan tapak, buat papan (board), buat contoh dan lain-lain lagi. Inilah cara-cara yang saya jawab kepada soalan No. 7 tadi. Kerajaan telah menganggar tanah sebanyak 6 ekar dibahagian persimpangan Green Lane untuk dijadikan tapak tempat pembinaan Masjid.

(IV) Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh) bertanya kepada Ketua Menteri:

Soalan pertama.

1. Satu-satunya tempat bumiputra di Seberang Perai Utara menjalankan perniagaan ialah di belakang Bangunan United Malayan Banking dan berhadapan ke laut. Untuk lalulalang tidak ada jalan yang boleh terus keluar masuk untuk kemudahan-kemudahan pelanggan dan orang-ramai. Oleh hal yang demikian, tidakkah Kerajaan Negeri bercadang mengadakan hubungan jalanraya yang baik yang sentiasa boleh lalulalang menggunakan jalan itu dan dengan ini juga tempat perniagaan di situ dapat diketahui umum.

- (1. One of the places in Province Wellesley North where Bumiputras carry on business is behind the United Malayan Banking building that faces the sea. There is no access road for the customers and the public. Therefore, does the State Government propose to provide a good access road which can be constantly used and thereby enable wider knowledge of the commercial area among the public.)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah jalan untuk menghubungkan Jalan Pasar dan Jalan Kelab.

(II) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) bertanya kepada Ketua Menteri.

1. Berapa ramaikah murid-murid yang keluar dari sekolah dijangka akan memasuki Pasaran Buruh di dalam Pulau Pinang mulai dari tahun 1974 dan 1975?
2. Berapa ramaikah orang yang berdaftar di Pejabat Buruh untuk pekerjaan sehingga tahun 1974?
3. Berapakah kilang-kilang yang telah dibuka di kawasan perindustrian Bagan Serai sehingga hari ini, sila beri butir-butir mengenai nama kilang-kilang pelaburan-pelaburan modal dan anggaran bilangan pekerja-pekerja?
4. Nyatakan Hutang Awam Negeri Pulau Pinang bagi tahun-tahun 1972, 1973, 1974 dan anggaran bagi tahun 1975? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pinjaman dan untuk menjelaskan hutang-hutang ini?
5. Berapakah telah dibayar oleh 49 orang peserta-peserta persendirian Kontingen Pulau Pinang di Minggu Pulau Pinang di Adelaide? Sila beri satu angka pecahan bagi tiap-tiap seorang.
6. Sila beri nama-nama "Kumpulan Petugas" Kontingen Pulau Pinang ke Minggu Pulau Pinang di Adelaide bersama-sama dengan butir-butir tentang tugas-tugas.
7. Dalam Kedudukan apakah orang-orang yang berikut menyertai sebagai "peserta-peserta persendirian" ke Minggu Pulau Pinang di Adelaide:
 - (a) Datin Halimah binti Haji Abdul Aziz
 - (b) Puan Raihana Ahmad
 - (c) Puan Kamal M. Hashim

3 (B). JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, jawapan-jawapan kepada soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas Meja Dewan.

(I) Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan bercadang untuk membela dan membaiki nasib peniaga-peniaga kecil di Negeri ini dengan satu sistem penyaliran tempat-tempat perniagaan mereka, dan sewa-sewa tempat itu dengan harga yang berpatutan.

Ketua Menteri:

1. Ya.

Adalah suatu dasar Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk peniaga-peniaga kecil di dalam Negeri ini supaya dapat meninggikan taraf ekonomi mereka.

Kerajaan melalui agensi-ajensinya telah mengambil langkah dan menyiapkan berbagai-bagai projek untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada dan mengadakan tapak-tapak baru kepada Peniaga-peniaga Kecil di kawasan-kawasan yang dipilih. Beberapa projek-projek lain sedang dirancang untuk pelaksanaan dalam masa dua tahun ini.

(d) Puan Rahman Haji Ahmad

(e) Puan Tan Boon Lin

(f) Puan Sim Teck Chuan

(g) Encik Lee Foh Seng

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengesahkan khabar angin bahawa Kerajaan Negeri akan memberi satu sumbangan seringgiti bagi tiap-tiap seringgiti terhadap wang yang disumbangkan oleh orang ramai bagi Mesjid Negeri?
9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi sebab-sebabnya Intron Industries 'ditutup'? Mengapa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak dapat meneruskan projek itu?
Berapa ramai pekerja-pekerja telah diambil oleh Syarikat tersebut? Apakah kedudukan kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam Syarikat itu? Apakah kerugian yang dialami oleh Syarikat itu?
10. Sudahkah Pemungut Hasil Tanah Daerah Timur Laut menyelesaikan penyiastannya tentang bayaran wang ganti-rugi yang dibayar kepada penduduk-penduduk yang terlibat oleh Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang? Jika sudah, sila beri butir-butir mengenai tiap-tiap pemberian itu? Mengapa terdapat kelewatan dalam membayar bayaran ganti rugi?
11. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengesahkan bahawa Kerajaan Negeri sebagai gantian Bayaran Ganti rugi dalam bentuk Wang kepada penduduk yang terlibat oleh pengambilan di Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang, akanewartakan tempat kediaman kepada penduduk-penduduk itu di Projek tersebut atas harga-harga istimewa yang lebihkurang?
12. Berapakah anggaran kos yang dikaji semula bagi Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang memandangkan kepada tambahan 60 tingkat ke Blok Menara?
13. Berapakah kilang-kilang berkaitan dengan Perusahaan Penerokaan Minyak telah ditubuhkan di dalam Pulau Pinang? Sila beri butir-butir pengkhususan perusahaan ini (jika ada)?
14. Berapakah lesen-lesen kerang telah dikeluarkan dalam Negeri Pulau Pinang? Manakah kawasan-kawasan yang telah dipajakkan atau diberi lesen? Sila beri butir-butir mengenai tempat, pemegang lesen dan tarikh pemberian pajakan atau lesen?
15. Sila beri satu senarai projek-projek sehingga hari ini, di mana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang terlibat atas usahanya sendiri atau usaha bersama?
16. Apakah jumlah keluasan tanah yang masih di bawah notis Pengambilan di Pulau Pinang? Sila beri satu angka pecahan bagi Pulau Pinang dan Seberang Perai?
17. Siapakah yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa Ketua Menteri tidak ada baru-baru ini? Sila beri satu angka pecahan tentang bilangan mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan dan nama orang-orang yang mempengerusikan mesyuarat semasa Ketua Menteri tidak ada?
18. Berapakah jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu sekolah-sekolah Cina di dalam Negeri di bawah perkara 152 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan? Sila beri satu angka pecahan bagi tahun-tahun 1969, 1970, 1971, 1972, 1973, 1974 dan 1975?
19. Apakah projek-projek pembangunan yang sedang dipertimbangkan bagi kawasan-kawasan Bukit Mertajam, Bukit Tengah dan Machang Bubuk bagi empat tahun yang akan datang? Jika ada, sila beri butir-butir.

Ketua Menteri:

1. 1974—15,228
1975—17,181
2. 16,198
3. Di akhir bulan Jun, 1975, hanya sebuah kilang iaitu United Chemical Industries Sdn. Bhd. sahaja yang masih menjalankan kerja-kerjanya di Kawasan Perusahaan Bagan Serai yang mempunyai modal yang telah dibayar sebanyak \$2 juta dan pada masa sekarang mempunyai 118 pekerja-pekerja dan potensi pekerjaan sebanyak 1,284. Sebuah lagi kilang, Malaysia Foods Bhd., memulakan satu ujian perdagangan pada 1hb Ogos, 1975. Kilang ini mempunyai modal yang telah dibayar sebanyak \$2.75 juta dan pada masa sekarang mempunyai 89 pekerja-pekerja dan mempunyai potensi pekerjaan kira-kira 2,000.

4.	1972	1973	1974	1975 (anggaran)
Perumahan Murah	31,157,545	29,928,330	28,672,518	27,856,168
Persatuan-persatuan Kerjasama untuk membeli tanah	809,156	754,395	696,485	635,245
Pinjaman Perumahan untuk Pegawai-pegawai Kerajaan	1,189,504	1,802,434	1,802,434	2,008,389(c)
P.P.P.P. Perusahaan Perdagangan & Perumahan	30,732,490	32,098,676	30,871,513	28,223,782
P.B.A. Projek Sungai Muda	32,186,126	35,099,068	—	35,550,129(b)
Jumlah ...	96,074,821	99,682,903	62,042,951(a)	94,273,713(b)

(a) Pinjaman Pihak Berkuasa Air tidak termasuk.

(b) Perjanjian-perjanjian Pinjaman Semula di antara Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air dijangka ditandatangani dalam tahun 1975.

(c) Pembayaran Yang Pertama hendaklah dibayar dalam tahun 1977.

Semua pinjaman-pinjaman yang tertunjuk sebagai Hutang Awam kepada Kerajaan Negeri adalah disebabkan pinjaman daripada Kerajaan Pusat untuk kemajuan Perdagangan, Perusahaan dan Projek-projek Perumahan dan untuk Pihak Berkuasa Air meluaskan perkhidmatan-perkhidmatannya untuk menemui kehendak-kehendak awam. Sebarang penahanan kepada pinjaman ini bermakna menahan projek-projek pembangunan di dalam Negeri ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri ingin menambahkan pinjamannya dan tidak menahannya.

5. Peserta-peserta yang membayar telah membuat bayaran sejumlah \$49,000.

6. Nama-nama "Kumpulan Bertugas" dari Kontingen Pulau Pinang bagi Minggu Pulau Pinang di Adelaide, dikepulkan bersama di Lampiran 'A'.

7. Peserta-peserta persendirian (a)—(g) telah menyertai Kontingen ini di atas diri mereka sendiri sebagai peserta yang membayar.

8. Kerajaan Negeri tidak membuat apa-apa kenyataan berkenaan dengan itu.

9. Sebab utama bagi penutupan "Intron Industries" adalah hasil daripada pemberhentian secara umum dalam bidang perusahaan elektronik bagi seluruh dunia. Keadaan ini adalah di luar kawalan Intron Industries sendiri dan telah melibatkan keadaan pemasaran dengan teruknya.

Syarikat ini telah mengalami kerugian dan telah membuat keputusan bahawa pemilihan yang lebih baik ialah dengan menangguhkan operasi bagi Intron Industries itu.

Bilangan pekerja-pekerja yang dibayar oleh Syarikat ini, mengikut perangkaan terakhir pada 24hb Jun, 1975 adalah 113.

Taraf kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di dalam Syarikat ini secara mengambil bahagian yang lebih adil bagi Penang Electronics (yangmana 100% milik sepenuhnya subsidiary oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) berjumlah 51% (bernilai \$510,000) dalam Syarikat.

Syarikat mengalami kerugian sebanyak \$336,425 bagi tahun penghujung 30hb Jun, 1974.

10. Pemungut Hasil Tanah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang telah menyelesaikan sepenuhnya penyiasatan-penyiasatannya mengenai pengambilan semua tanah-tanah yang terlibat dalam Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang. Berkaitan dengan pemberian-pemberian, ianya adalah dalam lingkungan jumlah sebanyak \$2 sekaki persegi yang minima sehingga satu jumlah maksima sebanyak \$65 sekaki persegi bagi keseluruhan 318 lot yang terlibat dalam pengambilan. Ini adalah satu pengambilan tanah yang utama dan peraturan pentadbiran yang kompleks dan membebankan. Dalam hal ini tidak ada kelewatan dan Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan pengambilan ini dengan secepat mungkin.

11. Pertimbangan untuk mencapai sebarang persediaan selain dari memberi pemberian dalam bentuk wang bagi tanah yang diambil terserahlah kepada budibicara Pemungut Hasil Tanah daerah tersebut. Ini adalah mengikut Akta Pengambilan Tanah, 1960. Akan tetapi, dalam kes ini, Pemungut Hasil Tanah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, telah membuat pembayaran wang gantirugi kepada semua penduduk-penduduk yang terlibat dalam pengambilan dan tidak sebaliknya. Walaubagaimanapun, adalah diharapkan bahawa semua mereka yang tinggal di kawasan yang terlibat itu yang ingin mendapatkan tapak di projek Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang akan memohon untuknya apabila ianya diisytiharkan. Kerajaan akan membuat apa yang boleh mengikut undang-undang bagi memudahkan permohonan-permohonan mereka.

12. Anggaran pengkajian semula bangunan peringkat I bagi Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang adalah bernilai \$136.18 juta. Dengan ini, perbelanjaan bangunan bagi 'Podium' ialah \$55.43 juta, Rumah Pangsa \$9.53 juta dan Menara \$71.22 juta.

Adalah dijangka bahawa perbelanjaan pembinaan akan meningkat lebihkurang 15% setahun jika panggilan tender lambat dibuat. Anggaran 15% ini, 'national escalation' tidaklah termasuk bagi mana-mana kenaikan masa akan datang, yang mungkin mengikut kesan daripada keadaan ekonomi dunia.

13. Selain dari kemudahan-kemudahan depot dan penyimpanan petroleum yang terdapat sekarang yang dijalankan oleh syarikat-syarikat minyak yang utama (Esso, Caltex, Shell, B.P. dan Mobil), tidak ada lain kilang yang ditubuhkan dalam Pulau Pinang di bawah "Perindustrian Penerokaan Minyak".
14. Ada 11 lesen untuk memelihara kerang yang dikeluarkan dalam Negeri Pulau Pinang dan butir-butirnya adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Pemegang lesen	Daerah	Tempat	Tempuh lesen
1.	Haji Wan Chik bin Tahar & Lee Seng Hiang	S.P. Selatan	Dasar Laut berhampiran Pulau Aman & Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
2.	Goh Ah Bah & Goh Choo Hee	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Pulau Aman & Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
3.	Hup Heng & Co. ...	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
4.	Tan Bak Say & others	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
5.	Teh Bak Huat ...	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
6.	Lee Eng Khoon ...	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
7.	Tan Seong Kan & Tan Song Chuah	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Pulau Aman & Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
8.	Tan Seong Kan & Tan Song Chuah	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Pulau Aman & Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
9.	Goh Oh Teng ...	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Pulau Aman & Batu Kawan	1-1-75— 31-12-75
10.	Goey Bak Yeow ...	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Pulau Burung	1-1-75— 31-12-75
11.	Gooi Bak Thong, Hashim bin Jusoh & Tai Yar Kheng	S.P. Selatan	Dasar laut berhampiran Pulau Burung	1-1-75— 31-12-75

15. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah sehingga tarikh ini menjalankan projek-projek berhubung dengan perancangan dan pembangunan kawasan-kawasan perusahaan, projek-projek perumahan dan perbandaran. Sebagai tambahan, Perbadanan ini telah juga memasuki usaha bersama dan ini adalah seperti berikut:

- Penang Electronics Sdn. Bhd.
- IHC (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Malaysia Foods Bhd.
- Atlas Electronics (M) Sdn. Bhd.
- Penang Commercial & Industrial Development Bhd.
- Syarikat Penang Construction Sdn. Bhd.
- Syarikat Nusantara Pulau Pinang Bhd.
- Hitachi Semiconductors
- Schott Glass (M) Sdn. Bhd.
- Sika (M) Sdn. Bhd.
- Kanebo (M) Spinning Mills Sdn. Bhd.
- Intron Industries (M) Sdn. Bhd.
- Exel Electronics (M) Sdn. Bhd.
- Australasia International Development Sdn. Bhd.
- Austral-Asia Development Pty. Ltd.
(Incorporate in Adelaide)

Saham-saham yang ditawarkan kepada orangramai

(p) Hume Industries (M) Bhd.

Saham-saham yang tidak ditawarkan kepada orangramai

(g) Malaysian International Shipping Corporation Bhd.

16. Butir-butir yang dikehendaki adalah seperti berikut:

Bil Warta Kerajaan dan Tarikh	Tujuan	Keluasan
DAERAH TIMUR LAUT		
96/3-5-73	Anson Road—Federal Departments	144,572 k.p.
76/12-4-73	Sungei Glugor—Canalisation ...	25,548 k.p.
198 & 199/30-8-73	Penang Urban Centre ...	28.5 ekar
17/17-1-74	Balik Pulau/Relau Road ...	874.052 ekar
44 & 46/28-2-74	Batu Feringghi & Tg. Bungah—Sewage Treatment Plant/Pumping Station Vehicular Parking Space Impounding Areas	25.740 ekar
102/25-4-74	Sg. Nibong—Public, Industrial, Residential Purposes	346.383 ekar
265/29-8-74	Ayer Itam—Playing Field, Sekolah Seri Mutiara	106,740 k.p.
269/29-8-74	Pulau Jerejak—Industrial Purpose ...	0a. 1r. 37.6p.
158/10-4-75	Widening of Cantonment Road ...	33,242 k.p.
237/22-5-75	Race Course Road/Batu Gantong ...	30,528 k.p.
S.P. UTARA		
293/9-12-71	Residential Purpose (Lot 808 Mk. 14)	2.7500 ekar
266/29-8-74	Kuala Muda Housing Scheme ...	31a. 3r. 22p.
239/22-5-75	Bertam Irrigation Scheme ...	3.000 ekar
S.P. TENGAH		
23/1-2-73	Public, Industrial & Residential Purposes (Prai Barrage)	220.156 ekar
263/29-8-74	Prai Secondary School ...	4.250 ekar
120/9-5-74	Agro-Based Industry ...	28.750 ekar
S.P. SELATAN		
40/28-2-74	Public, Residential, Industrial, Commercial & Agricultural Purposes	574.857 ekar
18/6-1-72	Jalan Transkrian—Ptg. Tok Mahat ...	5.400 ekar
DAERAH BARATDAYA		
89/30-3-72	Resettlement of Squatters & others at Pondok Upeh/Genting, B. Pulau	315.686 ekar
91/25-4-73	Resettlement of Squatters (Ladang Loh Poh Heng) Telok Kumbar	91.835 ekar
283/20-12-73	Resettlement of Squatters, Permatang Damar Laut (Peringkat 3)	470.000 ekar
103/25-3-74	Public Purposes—Bukit Jambu ...	63 ekar
41/28/2-74	Sewage Treatment Plant ...	2.5 ekar
42/28-2-74	Open Space ...	1.8 ekar
43/28-2-74	Road Widening ...	0.15 ekar
45/28-2-74	Public Facilities ...	5.00 ekar
283/20-12-73	Sekolah Percantuman di Permatang Damar Laut	7.8 ekar
281/20-12-73	Sg. Tiram/Batu Maung Road Junction—Mk. 12	16.00 ekar
90/2-4-70	Komplek Pelajaran, Sungai Ara ...	32.96 ekar
		<u>3,128.874 ekar</u>

17. Y.B. Datuk Teh Ewe Lim telah mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tempoh dari 5hb Jun hingga 24hb Julai, 1975. Enam mesyuarat.
18. Tidak ada sebarang perbelanjaan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 1969 hingga 1975 bagi membantu Sekolah-sekolah Cina di dalam Negeri ini di bawah Fasal 152 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan dengan terang bahawa Pelajaran adalah tanggungjawab Persekutuan.
19. Berbagai-bagai projek pembangunan telah dirancang bagi Negeri Pulau Pinang untuk 5 tahun yang akan datang. Adalah untuk kepentingan awam bahawa butir-butir mengenai projek-projek ini tidak diumumkan sehingga pelan-pelannya telah diluluskan.

JAWAPAN KEPADA SOALAN 6:

MINGGU PULAU PINANG DI ADELAIDE (PENANG WEEK IN ADELAIDE)

A. KONTINGENT RESMI (OFFICIAL CONTINGENT)

SECRETARIAT

1. Y.B. Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman
2. Encik Zainal Alam
3. Encik Cheah Teik Jin
4. Encik Zakaria Haji Man
5. Encik Othman Said
6. Encik Kwan Ah Soo
7. Encik Khamar Lall

Kemajuan Pelancungan dan Perindustrian (Tourism and Industrial Promotion)

8. Encik Ahmad Khairummuzammil bin Mohd. Yusoff
9. Encik N. A. Mokhtar Haniff
10. Encik Cheah Phee Hin
11. Encik Karam Singh
12. Cik Khoo Beng Jong
13. Encik Chong Soon Lee
14. Encik Bernard Chow

Pertunjukkan Kebudayaan (Cultural Show)

15. Encik Kamal M. Hashim
16. Encik Rani Ibrahim
17. Encik V. Annamalai
18. Encik Zain Haji Omar
19. Encik Abdullah Ibrahim
20. Encik Abdul Rahman Haji Ahmad
21. Encik Mohd. Ghouse Nasaruddin
22. Cik Jumah Beevi Hassan Hussain
23. Cik Latifah Bidin
24. Encik Noor Mohamed bin Abd. Aziz
25. Encik Mohamad Basri Ali Anas
26. Cik Normah Ahmad
27. Cik Shahrarazad Yaacob
28. Encik Abdul Ghani Majid
29. Encik Abu Bakar Mohd.
30. Cik Dorothy Gee Guat Tien
31. Encik Yusof Halmi Muhamad
32. Cik Rohana Sulaiman
33. Encik Ch'ng Teow Hock
34. Encik Khaw Teow Cheang
35. Encik Chan Beng Wooi
36. Cik Lau Kim Choo
37. Cik Pak Lye Sim
38. Cik Wong Kam Sam
39. Encik H. S. Ung
40. Cik V. Jayagowri d/o N. Venu Gopalraj
41. Cik Nooraini binti Haji Ismail

42. Cik Zadzina binti Zainal Alam
43. Cik Carmen Prior
44. Tengku Sofinah binti Tunku Yusoff
45. Cik Kuan Sooi Choo
46. Encik Akbar Nawab Khan
47. Encik Mohd. Yusof Ahmad
48. Encik Mohd. Yusof Ismail
49. Encik Bazir Ahmad
50. Encik Ariffin Ibrahim
51. Encik Kasim bin Othman
52. Encik Mohd. Noor Hashim
53. Encik Mohd. Ariffin Saat
54. Encik Alias Jamil
55. Encik Rashid Ahmad
56. Encik Abu Bakar Noor
57. Cik Jamaliah Hanif
58. Encik Yong Kam Beng

Bahagian Makanan (Food Section):

59. Encik Khoo Keat Hye
60. Puan Lee Kee Pin
61. Encik Tommy Khoo Sian Kheng
62. Puan Ahmad Khair (nee Lailatul Zuraida binti Abdul Aziz)
63. Puan Anna Tharmaratnam
64. Puan Lee Swee Sim
65. Puan Aziz Ibrahim (nee Wanchik binti Zainal Abidin)
66. Puan Soffiah binti Ahmad
67. Puan Siti Aishah binti Ibrahim
68. Puan Azizah binti Mohd. Daud
69. Puan Fatimah bin Abd. Majid
70. Puan Wan Bi binti Ibrahim
71. Encik Lim Bian Yam
72. Puan Ooi Ah Nooi
73. Cik Tan Gim Tin
74. Puan Khaw Chuan Ghee (nee Lim Suan Har)
75. Encik Ramakrishnan s/o N. Rajagopal
76. Encik Kam Teik Beng
77. Encik Keng Teik Chye
78. Encik Lim Ah Kwang
79. Encik Lau Joo Choon
80. Encik Tan Bark Thong
81. Encik Hoi Seng Lee
82. Puan Ong Swee Phaik
83. Encik Cheah Teik Seng
84. Encik Lau Tat Kwan
85. Encik Lee Eng Lai
86. Tuan Syed Abd. Razak bin Syed Ali
87. Encik Asmavy bin Mustadi
88. Cik Hasanah binti Sapuan
89. Encik Hussain bin Sapuan
90. Puan Chombee binti Mohamed
91. Puan Azizah binti Haji Ibrahim
92. Encik Naina Mohd. bin Kadir Mohd.
93. Encik M.P.H. Seeni Mohd. s/o Hammad Shaik
94. Encik Arumugam s/o Pakeersamy
95. Puan Zainab binti Ahmad
96. Puan Wan Jelaiha binti Kassim Merican
97. Encik Tay Moh Leong (Batik Painter)

(III) Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Berapakah biasiswa-biasiswa yang telah diberi oleh Negeri dalam tahun 1974 dan 1975? Sila memberi satu senarai penerima-penerima yang lengkap dengan butir-butir mengenai nama-nama, alamat-alamat, ibubapa-ibubapa dan pekerjaan-pekerjaan mereka.
2. Sudahkah pecah sempadan dan pengeluaran hakmilik-hakmilik pajakan yang berasingan disiapkan bagi Rancangan-rancangan Perumahan Bayan Lepas dan Bagan Serai di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang? Berapa lamakah tempohnya pajakan-pajakan itu? Apakah syarat-syarat sekatan yang dikenakan atas pajakan-pajakan ini? Apakah sekatan-sekatan yang dikenakan atas pemindahan oleh pembeli-pembeli? Apakah kadar bayaran berkaitan dengan tiap-tiap kategori rumah? Sila beri butir-butir misalnya wang tempahan, wang ansuran dan bayaran-bayaran akhir.
3. Apakah punca-punca kewangan bagi Projek Angkasa Perdana Pulau Pinang. Sila beri butir-butir mengenai jumlah atau peratusnya misalnya Negeri, Persekutuan, badan berkanun dan sebagainya.
4. Apakah sebabnya nama Pusat Bandaraya ditukar kepada Angkasa Perdana Pulau Pinang?
5. Bilakah dicadangkan untuk menyiapkan Peringkat I Projek Angkasa Perdana? Berapa ramai orang-orang yang telah mendapat tapak-tapak atas Peringkat I? Berapakah harga tapak-tapak yang ditawarkan kepada orangramai dan badan-badan berkanun, sila beri butir-butir.
6. Berapakah kos iklan selama dua hari yang mengisi dua muka penuh mengenai Projek Angkasa Perdana di dalam akhbar-akhbar harian tempatan baru-baru ini? Apakah tujuan menerbitkan iklan selama dua hari yang jarak cuma beberapa minggu sahaja? Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyediakan prospekters-prospekters mengenai tapak-tapak yang ditawarkan kepada orangramai kepada Dewan ini?
7. Sudah kira-kira 5 tahun sejak perakuan-perakuan Pelan Induk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Negeri dalam beberapa tahun yang lepas, telah berjanji untuk menerbitkan Pelan Induk dan mengedarkannya kepada orangramai, bolehkah Kerajaan memberi satu tarikh tetap bagi penerbitannya. Apakah sebabnya bagi kelewatan dalam mengedarkan Pelan ini kepada orangramai?
8. Apakah sudah terjadi kepada rancangan-rancangan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan perusahaan letronic tempatan dengan tertutupnya Penang Electronics dan Intron Industries?
9. Berapakah jumlah perbelanjaan bagi Pesta Pulau Pinang 1974? Sila beri butir-butir mengenai pendapatan dan perbelanjaan dan juga kos-kos yang terlibat dalam pelbagai aspek kerja-kerja pembinaan.
10. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengutip bayaran-bayaran Lesen Tumpangan Sementara dan sila beri butir-butir mengenai jumlah-jumlah yang telah dikutip bagi tahun-tahun 1970, 1971, 1972, 1973 dan 1974 dan tunggakan-tunggakan yang masih belum dikutip.
11. Berapakah jumlah wang yang telah disumbangkan atau dipinjamkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang oleh Negeri sehingga hari ini? Berapa banyak telah dibayar balik oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan berapakah faedah yang dikenakan atas pinjaman-pinjaman ini?
12. Berapakah jumlah tunggakan-tunggakan kutipan dari Rancangan-rancangan Perumahan Murah di dalam Negeri bagi tahun-tahun 1970, 1971, 1972, 1973 dan 1974? Berapakah jumlah yang dikutip tiap-tiap tahun dari rancangan-rancangan ini?

Ketua Menteri:

1. Jumlah Biasiswa yang dihidiahkan oleh Kerajaan Negeri ialah 18 pada tahun 1974 dan 22 pada tahun 1975. Maklumat-maklumat penuntut-penuntut yang dihidiahkan biasiswa tersebut adalah seperti berikut:

1974

Nama	Alamat	Maklumat Ibu/Bapa	Pekerjaan Ibu/Bapa
1. Ng Peng Khuen	9, off 7th Avenue Reservoir, Mk. 16, Air Itam, P. Pg.	Bapa—Ng Kim Loon	Kerani
2. Cheah Wee Beng	21-R Jalan Satu, Air Itam, P. Pg.	Bapa—Cheah Teow Yeang	Pemilik kedai
3. Yong Seng Chee	135-A, Mk. 16, Air Itam, P. Pg.	Bapa—Yong Yee Fan	Guru

Nama	Alamat	Maklumat Ibu/Bapa	Pekerjaan Ibu/Bapa
4. Hwong Chong Kheaw	394-L, Hill Railway Road, P. Pg.	Bapa—Hwong Chok Pin	Guru
5. Anuar binti Harun (Cik)	10-J Polis Barrack, Patani Road, P. Pg.	Bapa—Harun bin Hassan	Polis
6. Lim Lay Yong (Cik)	637-B, Jln. Hajjah Rahmah, East Jelutong, P. Pg.	Bapa—meninggal Ibu—Kim Saw Gaik	Membasuh baju
7. Lee Chu Kheng	10-Z, Delima Rd., Island Glades, P. Pg.	Bapa—Lee Chin Chong	Tidak bekerja
8. Chew Poy Hoe	282-Q, Circular Rd., Bukit Gelugor, P. Pg.	Bapa—Chew Keng Khoon	Tidak bekerja
9. Mok Kam Fatt	41, Kampong Hijau Satu, Green Lane, P. Pg.	Bapa—Mok Lee Cheong	Tidak bekerja
10. Khor Tat Kong	114-B West Jelutong, P. Pg.	Penjaga—Khor Ah Kow	Penjual Ikan
11. Lim Siew Im (Cik)	556-A, Jln. Abdullah Ariff, P. Pg.	Bapa—meninggal Ibu—Yeoh Guat Ee	Kondakter bas
12. Tan Yock Chu	171, Jln. Pasar, B.M.	Bapa—Tan Eng Khuang	Tidak bekerja
13. Shahreen binti Abbas	Blok A5 (C.R.T.S.) Lengkok Pemancar, Glugor, P. Pg.	Bapa—Abbas bin P.K. Shakkarai Rawther	Wireman
14. Tan Chin Huat	770, Jawi Garden, Sg. Bakap, N.T.	Bapa—Tan Ewe Ghee	Penjual sayur
15. Kwong Yew Leong	33, Green Rd. 3, P. Pg.	Bapa—Kwong Puck Nip	Bersara
16. Nooraini binti Mohd. Ishak	61, Jln. Gagah, Tanjong Tokong, P. Pg.	Bapa—Mohd. Ishak bin K.M. Mohd. Noor	Tidak bekerja
17. Md. Shahid bin Ayub	Balai Polis, Macang Bubuk, B.M.	Bapa—Ayub bin Ismail	Polis
18. Zuraidah binti Ahmad Babji	381-B, Jln. Hajjah Rehman, Jelutong P. Pg.	Bapa—Ahmad Babji bin Yunus Babji	Guru

1975

1. Ng Teck Tai	70, Jalan Tunggal, Air Itam, P. Pg.	Bapa—Ng Guan Hee	Bersara
2. Ng Yoon Mooi (Cik)	2, Jln. Chan Ewe Pin, B.M.	Bapa—Ng Kar Lim	Foreman
3. Soo Cheng Hooi	205, Jln. Hutton, P. Pg.	Bapa—Soo Seng Kok	Bersara
4. Faridah binti Haji Embe	197, Permatang Tok Gelam, K. Batas	Bapa—Haji Embe bin Abas	Pesawah
5. Tan Khim Liang	2/o Jalan Delima, Island Glades (T.S. 5) P. Pg.	Bapa—meninggal Ibu—Woo Yuit Mei	Ketua Kantin
6. Abdul Halim bin Abdul Hamid	258, Lorong Sekolah Rendah St. Mark, Perai	Bapa—Abdul Hamid bin Awang	Pelansir Keretapi
7. Wong Kheen Kooi	360-S Perak Road, P. Pg.	Bapa—meninggal Ibu—Wong Ah Seow	Penjaja
8. Lim Beng Jin	N8-3, Taman Free School, P. Pg.	Bapa—Lim Pang Eng	Penjual buku-buku lama
9. Adnan bin Haji Said	804, Jarak Atas, Tasik Glugor, S. Perai	Bapa—Haji Said bin Haji Mat Zain	Pesawah
10. Thajunnisa binti Hassan Mohd.	2, Rawang Road, P. Pg.	Bapa—meninggal Ibu—Makwan Kechik binti Yahaya	Surirumah

Nama	Alamat	Maklumat Ibu/Bapa	Pekerjaan Ibu/Bapa
11. Koay Kheng Chuan	159-N, Jln. Boundary P. Pg.	Bapa—Koay Kok Keong	Tidak bekerja
12. Zakaria bin Hamid	1173, Pengkalan Batu, Tasek Glugor, S. Perai	Bapa—Abdul Hamid bin Othman	Berniaga
13. Teng Cheng Seng	22, Rd. One, off Happy Valley Rd., Air Itam, P. Pg.	Bapa—Teng Goon Hin	Bersara
14. Liew Yeng Chee	1679, Kampung Jawa, Butterworth	Bapa—meninggal Ibu—Leong Phaik Hah	Tukang Emas
15. Sulaiha Bee binti Kalandar Mastan	67, Jln. Argyll, P. Pg.	Bapa—Kalandar Mastan	Kerani
16. Goh Boon Poh	691, Jln. Mt. Erskine, P. Pg.	Bapa—Goh Peng Hee	Buruh
17. Chuah Yau Chou	128-K, Happy Valley Rd. Air Itam, P. Pg.	Bapa—Chuah Ah Phee	Broker
18. Vanaja Thambyappa (Cik)	17, Taman Bukit Dumber, P. Pg.	Bapa—A. Thambyappa	Bersara
19. Lee Eong Jin	101, Jln. Abdullah Ariff, Air Itam, P. Pg.	Bapa—Lee Siew Eng	Tukang Kayu
20. Choong Lai Yong (Cik)	48, Lebuh Cecil, P. Pg.	Bapa—Choong Koong Choo	Pembantu Kedai
21. Kan Pek Han	719, High School Road, P. Pg.	Bapa—Kang Kim Seng	Bersara
22. Lim Lay Ying (Cik)	52, Jln. Chow Thye P. Pg.	Bapa—Lim Beng Seng	Penterjemah

2. Pecahan hakmilik dan hakmilik pajak yang berasingan

Pecahan hakmilik dan pengeluaran suratan-suratan Hakmilik Sementara untuk Rancangan Perumahan Bayan Lepas telahpun siap dan sebanyak 551 suratan hakmilik telah dikeluarkan. Berkenaan pecahan hakmilik dan pengeluaran suratan-suratan hakmilik sementara untuk Rancangan Perumahan Bagan Serai, proses penyiapannya adalah dalam peringkat akhir dan suratan hakmilik tersebut akan dikehendaki oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak lama lagi.

Tempoh pajak

Suratan-suratan hakmilik sementara untuk surat pajak tanah ialah untuk tempuh 99 tahun.

Syarat-syarat Sekatan

Syarat-syarat sekatan yang dikenakan ke atas harta surat pajak adalah seperti berikut:

- (a) Syarat Nyatan—Tanah yang diberimilik itu hendaklah digunakan semata-mata untuk tujuan-tujuan perkampungan.
- (b) Sekatan Kepentingan—Tanah yang diberimilik itu tidak boleh dibahagikan hakmiliknya.

Sekatan Pemindahan oleh Pembeli-pembeli

Mengikut ketetapan Perjanjian Jualan yang ditandatangani di antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan Pembeli-pembeli, pembeli-pembeli tidak dibenarkan memindah rumah-rumah tersebut kecuali dan sehingga mereka telah membayar harga pembelian sepenuhnya bagi rumah-rumah yang berkenaan. Tetapi di mana pembeli-pembeli belum membayar sepenuhnya dan ingin memindahkan rumah-rumah tersebut mereka boleh berbuat demikian dengan kebenaran bertulis dari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan mempertimbangkan permohonan-permohonan pemindahan sedemikian mengikut kelayakan masing-masing. Selain daripada itu, tidak ada sekatan-sekatan di atas pemindahan rumah-rumah oleh pembeli-pembeli. Untuk kesenangan rujukan Peraturan 22 adalah seperti berikut:

“Selagi harga pembelian tidak dibayar dengan penuh oleh pembeli-pembeli kepada penjual, pembeli-pembeli tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa ikatan atau perjanjian persendirian untuk tujuan menjual, memindah, mengenakan, berjanji atau memberikan harta tersebut kepada mana-mana pihak ketiga tanpa mendapati kebenaran bertulis dari penjual terlebih dahulu.”

Maklumat-maklumat mengenai pembayaran Rumah-rumah tersebut.

- (i) Ada dua jenis rumah-rumah berteres yang dibina (Jenis A dan Jenis B) dan dua jenis Rumah-rumah Berkembar (Jenis A dan Jenis B).
 - (ii) Pembeli dikehendaki membayar \$1,000 pada masa penempahan rumah dan 10% cagaran dan apabila Surat Perjanjian Penjualan dikuatkuasakan, bayaran penempahan sebanyak \$1,000 itu akan dikurangkan daripada jumlah yang dikehendaki pembeli membayar.
 - (iii) Selepas daripada itu, baki 90% daripada harga pembelian hendaklah dibayar oleh pembeli mengikut peringkat-peringkat kemajuan seperti berikut:

(a) Dalam masa 14 hari setelah penjual memberitahu bahawa kerja-kerja asas telah siap	10%
(b) Dalam masa 14 hari setelah penjual memberitahu bahawa kerja-kerja "reinforced concrete frameworks" telah siap	15%
(c) Dalam masa 14 hari setelah dinding-dinding bata disiapkan ...	15%
(d) Dalam masa 14 hari setelah kerja-kerja pemasangan letrik dan air siap	10%
(e) Dalam masa 14 hari setelah kerja-kerja "roofing" dan "internal plastering" bangunan tersebut siap	15%
(f) Dalam masa 14 hari setelah kerja-kerja membina jalan dan parit siap	15%
(g) Dalam masa 14 hari setelah dikeluarkan Sijil Menghuni ...	10%
	90%
3. Sumber-sumber kumpulan wang adalah dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan juga institusi-institusi kewangan persendirian. Adalah difikirkan bukan bukan untuk kepentingan umum untuk memberitahu maklumat-maklumat lanjut kerana perundingan-perundingan masih dijalankan.
 4. Tidak ada penukaran nama seperti yang dibangkitkan. Ungkapan 'Urban Centre' adalah dalam Bahasa Inggeris dan ungkapan 'Kompleks Angkasa Perdana, Pulau Pinang' adalah dalam Bahasa Malaysia.
 5. Peringkat Pertama Projek Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang adalah dilaksanakan dalam 4 peringkat—Peringkat 1A, Peringkat 1B, Peringkat 1C dan Peringkat 1D. Peringkat 1A akan siap pada bulan Oktober, 1976. 'Podium' Peringkat 1B akan siap pada bulan September, 1978 manakala 'Tower Block' akan siap pada penghujung tahun 1979 (Perlingkungan Bawah dan Tengah) dan tahun 1981 untuk Perlingkungan Tinggi. Peringkat 1C dijadual akan siap pada tahun 1980 dan Peringkat 1D pada tahun 1979.
- Permohonan-permohonan untuk ruangan dalam Peringkat 1A berlangsung dalam bulan Ogos, 1975. Sehingga 20hb Ogos, 1975 sebanyak 119 borang-borang permohonan telah diterima untuk 95 ruangan-ruangan dalam Peringkat 1A (tidak termasuk 3 ruangan yang tidak siap yang tidak akan dijual) dan permohonan-permohonan ini sedang diproseskan. Jangka-jangka harga untuk ruangan-ruangan yang dijadualkan adalah seperti berikut:
- | Tingkat | Jangka harga
kaki persegi |
|-----------|------------------------------|
| Bawah ... | \$205-285 |
| Satu ... | \$175-250 |
| Dua ... | \$190-255 |
| Tiga ... | \$130-155 |
6. Iklan-iklan sebanyak 4 muka pada 25-7-75 ialah sebagai iklan pendahuluan pengumuman Peringkat 1 Projek Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang. Iklan muka penuh pada 1-8-75 ialah sebagai satu iklan pelancaran untuk Peringkat 1A untuk memberitahu kepada orang ramai melalui persisiran am bahawa mereka boleh memohonkan ruangan perdagangan dalam Peringkat 1A.
- Perbelanjaan untuk iklan-iklan tersebut dalam akhbar-akhbar pada 25-7-75 berjumlah \$54,580.41, manakala perbelanjaan untuk iklan-iklan pada 1-8-75 ialah \$24,390.75.
- Ya.
7. Kerajaan Negeri akan mengumumkan Pelan Induk untuk Negeri ini apabila dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan. Setakat ini kebenaran ini belum lagi diterima.

8. Rancangan-rancangan untuk menggalakkan perusahaan elektronik tempatan dalam Negeri ini tidak diketepikan dan masih diusahakan. Ini adalah merupakan satu objektif jangka-panjang yang akan mengambil masa untuk menghasilkannya. Penang Electronics belum ditutup sebagai yang disangkakan dalam soalan ini tetapi salah satu daripada cawangannya, iaitu Intron Industries yang menghadapi kerugian sekarang ini adalah di bawah 'penerimaan' mengikut cara-cara perniagaan biasa.
9. Jumlah perbelanjaan sehingga sekarang ialah \$522,196.76.

(i)	Hasil \$	Perbelanjaan \$
Pesta Perusahaan & Perdagangan	211,556.40	226,505.01
Pesta Air	1,946.00	27,418.11
Peraduan Ratu Cantik	2,925.00	7,304.06
Lukisan & Kebudayaan	2,062.00	38,264.20
Jawatankuasa Pablisiti	192.00	14,851.05
Derma-derma dan Bantuan-bantuan Kerajaan	280,350.00	—
Chingay	—	49,002.20
Hiasan-hiasan	—	67,902.70
Polis dan Tentera	—	20,725.00
Kereta-kereta Berhias	—	59,613.85
Jawatankuasa Tetap	—	4,570.58
Pertunjukan Orkid	—	5,000.00
Elaun Penjaga-penjaga	—	1,040.00
Baki dibawa ke hadapan dari Pesta tahun 1973	5,816.73	—
	504,848.13	522,196.76

(ii)

Perbelanjaan Kerja-karya Pembinaan

(a) Tapak Pesta Perdagangan termasuk kerja-kerja parit ...	\$ 87,225.40
(b) Air Pancutan di Bulatan Air Itam	3,828.26
(c) Pemasangan lampu-lampu di Pesta Perdagangan ...	38,518.71
(d) Pemasangan lampu-lampu di Jalan-jalan dan Bangunan-bangunan	57,542.24
(e) Pembinaan Bumbung-bumbung Dexion di—	
(i) Dewan Undangan	340.00
(ii) Dewan Sri Pinang	140.00
(iii) Tapak Pesta Perdagangan	840.00
	\$188,434.61

10. Bayaran Lesen Tumpangan Sementara adalah dipungut pada tiap-tiap tahun mengikut proses pungutan hasil biasa di semua Pejabat Tanah dalam Negeri dan juga melalui pungutan-pungutan di luar pejabat (out-door collection).

Tidak ada bayaran tunggakan bagi Lesen Tumpangan Sementara oleh kerana lesen-lesen ini adalah lesen-lesen tahunan. Jika tidak dibaharui dalam tahun berkenaan, lesen tersebut adalah ditamatkan.

Semua penduduk Tanah Kerajaan di mana Lesen Tumpangan Sementara telah ditamatkan adalah diminta supaya membuat permohonan baharu dan apabila ianya diluluskan, bayaran khas dikenakan untuk mendapat balik jumlah yang tidak dibayar disebabkan tamatnya Lesen Tumpangan Sementara yang terdahulu itu.

Jumlah yang diterima bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Daerah	1970 \$	1971 \$	1972 \$	1973 \$	1974 \$	1975 \$
Daerah Timur Laut	69,361.92	56,126.92	60,273.92	60,008.02	53,558.50	30,333.54
Daerah Baratdaya	10,613.55	9,602.55	8,733.05	6,031.50	6,405.50	4,538.00
S.P. Utara	30,539.40	33,697.00	22,684.00	19,528.50	23,823.78	9,514.24
S.P. Tengah	9,004.58	9,062.78	10,270.10	14,809.10	8,946.10	8,178.10
S.P. Selatan	18,375.32	18,700.50	21,909.82	19,321.84	21,689.00	16,826.00
	137,894.77	127,189.77	123,870.89	119,693.96	114,422.88	69,389.88

11. Kerajaan Negeri telah menyumbangkan \$5,800,000 secara geran kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Pinjaman kepada Perbadanan berjumlah \$40,259,572, yangmana \$1,832,898 daripadanya (Pokok) dan \$1,891,471 (Faedah) telah dibayar balik oleh Perbadanan mengikut syarat-syarat pinjaman-pinjaman tersebut.

12. Jumlah tunggakan yang perlu dikutip dikesemua Rancangan Perumahan Murah di dalam Negeri adalah seperti berikut:

1970	...	\$185,093.00
1971	...	\$324,878.00
1972	...	\$425,994.50
1973	...	\$584,054.00
1974	...	\$801,648.00

Jumlah kutipan sewa/ansuran dari ke semua Rancangan Perumahan Murah di dalam Negeri adalah seperti berikut:

1970	...	\$1,216,099.00
1971	...	\$2,106,178.00
1972	...	\$2,419,220.00
1973	...	\$2,273,658.00
1974	...	\$2,151,829.00

(IV) Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bagi mengatasi kesulitan-kesulitan dan membantu kesusahan-kesusahan pesawah padi di Daerah Balik Pulau, Pulau Pinang, kerana tidak dapat hasil dari tanaman mereka sebab dirosak oleh musuh-musuhnya terutamanya tikus?
2. Adakah Kawasan Telok Bahang, Pulau Pinang itu telah dizonkan untuk jadi Kawasan Pembinaan Hotel-hotel?
Jika tidak, adakah dalam rancangan Kerajaan Pulau Pinang, bagi mengelakkan dari kawasan ini terutama di kawasan tepi pantai dari diberi kelulusan untuk dibina Hotel-hotel?
3. Adakah dalam rancangan Kerajaan Pulau Pinang bagi mengekalkan keadaan-keadaan alam semula jadi di Pulau ini?
Dan adakah telah ditetapkan satu langkah bagi melindungi dan memelihara keadaan alam semula jadi dari dibina dengan bangunan atau hotel-hotel khasnya di tepi-tepi pantai?
4. Adakah rancangan Kerajaan akan memperbesarkan Jalan Raya dari Pekan Simpang Empat Balik Pulau, Pulau Pinang ke Simpang Tiga, Sungai Burong, Balik Pulau, Pulau Pinang, yang kira-kira lebihkurang $\frac{1}{4}$ batu jauhnya, kerana jalan ini cuma lebarnya kira-kira 13 kaki sahaja?
5. Bilakah masanya bagi pihak Jabatan Parit dan Taliair akan menjalankan Rancangan Parit Paya Chow, Balik Pulau, Pulau Pinang, kerana peruntukannya telah ada?

Ketua Menteri:

1. Pada tahun 1973, Kerajaan Negeri telah mengedar bantuan sebanyak 97.56 pikul biji-biji padi dengan kadar \$20 sepikul berjumlah \$1,560.96. Pada tahun 1974, bantuan sebanyak 429.56 pikul biji-biji padi dengan kadar \$20 sepikul berjumlah \$8,592.80 telah diedarkan dan pada tahun 1975 (sehingga 31hb Julai, 1975) bantuan sebanyak 56 pikul biji-biji padi dengan kadar \$35 sepikul berjumlah \$1,960 telah diedarkan. Di samping itu, Jabatan Pertanian sedang membahagi-bahagikan 37 pikul biji-biji padi.

Selain daripada bantuan biji-biji padi, Kerajaan Negeri juga memberi bantuan racun-racun serangga dan tikus yang terdiri daripada racun-racun Zinc Phosphite, Cyno Gas, Malathion, Dieldrex dan Serbok B.H.C. Bantuan racun serangga pada tahun 1973 berjumlah \$2,400 dan pada tahun 1974 berjumlah \$2,500. Jabatan Pertanian adalah dalam simpanan (stock) sebanyak 150 paun Zinc Phosphite berharga \$1,050 dan 7,000 paun Serbok B.H.C. berharga \$5,600 untuk menampung keperluan-keperluan bagi tahun 1975.

Mengenai masalaah-masalaah yang dihadapi oleh kumpulan pesawah-pesawah padi di Balik Pulau pada musim sekarang, Kerajaan Negeri akan melaksanakan suatu sekim di bawah Projek-projek Khas bagi tahun ini. Suatu dialog dengan mereka telah diadakan pada 26hb Ogos, 1975, dengan tujuan mengkaji masalaah-masalaah mereka dan mencadangkan tindakan segera yang perlu dilaksanakan tahun ini untuk menolong pesawah-pesawah padi ini mengatasi masalaah mereka.

2. Kawasan di Telok Bahang belum lagi dizonkan untuk memajukan Hotel-hotel. Deraf Pelan Perlingkungan Sementara—MDLB. PP. Bil. 1/Sek. 1/1974 mencadangkan suatu zon "Pembangunan Semula dan Pemulihan" untuk kawasan tersebut. Perlingkungan ini tidak menghalang kemajuan hotel di kawasan itu tetapi kemajuan sedemikian mestilah mematuhi objektif-objektif yang ditetapkan oleh perlingkungan yang dicadangkan.

3. Ya. Ini adalah ditunjukkan di dalam Pelan Deraf—Pelan Lingkungan Sementara MDLB. PP. Bil. 1/Sek. 1/1974 untuk Pulau Pinang di mana peruntukan-peruntukan telah pun dibuat untuk kegunaan-kegunaan tanah seperti “simpanan dan pemeliharaan semula jadi—(Natural reserve and conservation public recreational open spaces). hutan simpan dan simpanan sungai/anak sungai.”

Ya. Di dalam kawasan-kawasan yang ditunjukkan di dalam Pelan Deraf—Pelan Lingkungan Sementara MDLB. PP. Bil. 1/Sek. 1/1974 untuk (public recreational open spaces) hutan simpan dan simpanan sungai/anak sungai, kemajuan kediaman hotel tidak dapat dibenarkan. Kemajuan hotel hanya dibenarkan di dalam kawasan-kawasan yang dizonkan khas untuk maksud itu dan walaupun di dalam perkawasan (zone) yang demikian, berbagai-bagai syarat hendaklah dipatuhi sebelum dapat dibenarkan kemajuan hotel. Syarat-syarat yang dikenakan ini adalah untuk mengekalkan keadaan-keadaan alam semula jadi (aesthetics of the environment) dan juga kawasan kemudahan-kemudahan orang ramai (public amenities). Syarat-syarat ini telah pun diterangkan oleh saya di masa Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada 12hb November, 1973.

4. Tiada rancangan sedemikian buat masa sekarang. Walaubagaimanapun jika lalu lintas di sepanjang Jalan Sungai Nipah yang menyambung Jalan Bahru dengan Jalan Pulau Betong bertambah, Kerajaan akan menimbangkan untuk meluaskan jalan tersebut.
5. Projek ini telah pun dimasukkan untuk dipertimbangkan untuk pelaksanaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

(V) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Berapa luaskah tanah-tanah yang telah diusahakan bagi mendirikan kilang-kilang perusahaan seperti berikut di bawah ini:

(a) Kawasan Perusahaan Bayan Lepas—

Tanah Kerajaan

Tanah kepunyaan orang Melayu

Tanah kepunyaan bukan Melayu (Cina, India, dll.)

(b) Kawasan Perusahaan Perai—

Tanah Kerajaan

Tanah kepunyaan orang Melayu

Tanah kepunyaan bukan Melayu (Cina, India, dll.)

(c) Kawasan Perusahaan Bagan Serai—

Tanah Kerajaan

Tanah kepunyaan orang Melayu

Tanah kepunyaan bukan Melayu (Cina, India, dll.)

2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa nasib orang-orang Melayu di Pulau Pinang dalam bidang ekonominya adalah tersangat rendah dan merosot sekali. Oleh yang demikian apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasinya.

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan merunding dan melaksanakan projek-projek bagi membina tempat-tempat perniagaan untuk orang-orang Melayu bersama-sama dengan PDC, MARA dan UDA serta Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan bagi Pulau Pinang dan Seberang Perai khasnya bagi kawasan-kawasan seperti berikut di bawah ini:

(a) Tasek Gelugor

(b) Bertam

(c) Penaga

(d) Bagan Ajam

(e) Sungai Dua

(f) Penanti

(g) Sungai Acheh

(h) Telok Bahang

(i) Bayan Lepas

(j) Sungai Bakap

(k) Machang Bubuk

(l) Bukit Tengah

(m) Kubang Semang dan lain-lain kawasan lagi.

Jika tidak berunding dan akan melaksanakan projek-projek itu adakah akan dibiarkan begitu sahaja atau bagaimana?

Ketua Menteri:

Kalau kita sokong dengan Lapuran Harun, kalau kita sungguh-sungguh bersetuju dengan pekerja-pekerja di dalam Lembaga, jika semangat kita sungguh-sungguh untuk buruh kita yang ada di dalam Lembaga, dan kita hendak tunjuk sungguh-sungguh kita untuk rakyat Negeri kita dan sokong ini, kita mesti cari wang. Di mana hendak di cari wang itu? Sebablah perkara ini mengikut satu Lapuran, satu *Commission* yang tertubuh daripada Kerajaan Persekutuan, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan telah berunding perkara ini dengan Kementerian-Kementerian yang dinamakan untuk perkara ini. Dan masa sekarang telah sampailah satu masa yang Kerajaan Persekutuan ikut menolong dengan Kerajaan Tempatan tetapi mengikut Perlembagaan III (2)—jika Kerajaan Tem-

patan hendak pinjam wang 'mesti'lah melalui Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri mesti bawa perkara ini masuk di dalam Majlis Undangan yang kita ada hari ini dan selepas menyokong dalam Majlis ini barulah kita boleh pinjam wang itu.

Tadi Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam bawalah perkara-perkara yang saya ingat Lembaga tidak gunakan dengan Rang Undang-Undang yang kita bahaskan. Soal Adelaide Week dan lain-lain: Adakah tidak Kerajaan Negeri bawa perkara anggaran wang yang kita hendak gunakan untuk Adelaide Week masuk dalam Majlis ini? Adakah Majlis ini Majlis yang sesuai hendak meluluskan dengan anggaran atau telah bersetuju dengan anggaran itu? Itulah kita menunjukkan Kerajaan Negeri bukan sahaja selalu mengkaji apa yang kita hendak pakai untuk wang-wang di dalam Negeri tetapi kita mesti jalankan dengan teliti dan mengikut undang-undang. Inilah kali pertama yang kita ada kuasa sesungguhnya berbahas, ada gunakan kita buka Rang Undang-Undang semacam ini. Jika kita ada Rang Undang-Undang ini tetapi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak cukup kredit hendak dapat pinjaman, atau sesiapa pun yang pergi cari bank-bank atau cari dengan Kerajaan Persekutuan hendak minta pinjaman, bukan sahaja dan-dan dapat pinjaman. Tentulah Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan mesti ada *credit-worthiness*.

Tadipun Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal ada bawa perkara wang-wang tunggakan atau *arrears* sampai \$12 juta, tetapi kalau hari ini kita hendak ambil wang hendak bayar gaji-gaji tunggakan untuk pekerja-pekerja, dan di masa sekarang kita dapat wang itu daripada rakyat yang miskin dan tidak boleh bayar balik wang tunggakan, kita akan membawa kesusahan untuk rakyat di dalam Negeri kita. Sebab itu kita mesti cari lain bahagian di mana kita boleh pinjam wang.

Kalau Rang Undang-Undang ini diluluskan. Kerajaan Negeri mesti bertanggungjawab atas wang pinjaman ini sebab Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ialah satu agensi yang ditu-

buhkan daripada Majlis ini. Sebab kewangan Negeri kita kuat—*our financial position is strong*—kita berani berjanji meluluskan Rang Undang-Undang semacam ini sebab kita tahu dan faham dalam Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang adalah cukup kuasa mendapat balik \$5 juta ini, bayar balik kepada Kerajaan Persekutuan bila pinjaman itu diluluskan. Kita juga berani yakin jika Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak cukup wang hendak bayar balik wang itu, Kerajaan Negeri bolehlah tanggung atau *guarantee* pinjaman ini. Sebab itu dalam prinsip sahaja kita mesti bayar atau tidak elaun-elaun mengikut Lapuran Harun. Kita semua bersetuju. Tetapi bagaimana kita bayar wang ini? Itulah kita cari pinjaman. Pinjaman ini hendak diluluskan atau tidak diluluskan, kita mesti cari wang ini daripada Rang Undang-Undang. Kalau sahaja Lembaga terus pergi kepada Kerajaan atau lain-lain bank untuk mencari pinjaman, itu tidak boleh. Kita mesti jalankan mengikut Perlembagaan dan mengikut Rang Undang-Undang. Kalau kita tidak ada Rang Undang-Undang, kita tidak mengikut kedaulatan Undang-Undang di Negara kita. Jika kita sungguh-sungguh bersetuju dan sokong kuat dengan Lembaga Negara kita yang ada kita mesti ikut Article 111 (2), peruntukan cari pinjaman daripada satu Rang Undang-Undang yang mesti diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Undangan Negeri. Inilah yang kita buat.

Kalau prinsip ini betul, saya haraplah semua Yang Berhormat yang ada di sini bersetuju dan sokong dengan pinjaman ini. Tidak payahlah bawa barang yang tidak berisi dan barangkali adalah laku di *platform* tetapi bukan laku di dalam Majlis ini dan tidak laku dengan apa-apa yang kita ada dalam Negeri kita ini. Saya haraplah Yang Berhormat Ahli-Ahli daripada Pembangkang, kalau sungguh-sungguh bersetuju, mereka tidak bangkang dengan Lapuran Harun. Kalau mereka bangkang dengan Rang Undang-Undang ini, mereka tunjuk apa mereka kata dan mereka sokong dengan pekerja-pekerja dapat elaun-elaun itu bohong

kosong sahaja. Kalau mereka sungguh-sungguh ikut undang-undang dan apa yang kita mesti jalankan dalam Majlis ini dan saya haraplah Yang Berhormat Ahli-Ahli sungguh-sungguh adalah yang sedikit sakit hati ada perkara-perkara di mana Pengerusi Lembaga Seberang Perai berkata tidak puas hati. Itu lain perkara. Apa yang kita buat hari ini, apa yang kita bahas hari ini, saya fikir digunakan mengikut undang-undang, mengikut Perlembagaan dan mengikut semangat sungguh-sungguh sepenuhnya yang kita bersetuju dan sokong dengan pekerja-pekerja yang kita ada di Negeri kita. Itulah saya harap Yang Berhormat Ahli-Ahli dari parti Pembangkang serupa kita di bahagian sini sokong penuh dengan Usul ini.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-Undang ini sefasal demi sefasal.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3 dan Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Fasal 5:

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, dengan izin.

Just now the explanation given by the Honourable the Chief Minister is that there is a world crisis as a result of which we have to borrow money from the Federal Government. It is not that

we want to borrow money from the Federal Government to pay gaji-gaji sahaja. So if this is the case why not we amend this section for the purpose of payment for something like extra costs for the oil or petrol or fuel that will be needed for the supply of electricity in the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang—if that is the case as worded here. If we were to accept the explanation given by the Chief Minister just now, if I am not wrong and if my Bahasa is not that bad, I think perhaps this is the section we should amend. Now, if we were to borrow this \$5 million to pay for the extra costs because of the world fuel crisis I am all for it because it is for the development of the Lembaga in Pulau Pinang. This is what I want to clarify from the Honourable the Chief Minister at this stage.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, ini sangat betul, saya mesti kata bahasa Kebangsaan sayapun tidak berapa baik tetapi tidak berapa baikpun, saya mesti kata Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal langsung tidak faham apa yang saya cakap tadi. Yang sesuaipun beliau bangun di Fasal 5. Jika beliau baca Fasal 5, "Semua wang yang dipinjamkan . . ."—Saya ingat tak payahlah saya baca Fasal ini dalam bahasa Kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris.

Saya minta izin, Datuk Yang Dipertua:

What I said was that the Electricity Supply Department of the former City Council of George Town used to obtain fair amounts of returns in income from its Electricity Department and these sums of money which went into the General Reserve Fund were re-deployed for other purposes in the City Council in those days. Unfortunately because of the oil crisis, the Electricity Department, as a trading department which used to bring profit to the City Council, and now the Lembaga, has ceased to be a profit-making department but in actual fact has been trading at a loss in 1973, 1974 and 1975 due to the oil crisis. So the problem does not arise there. The problem has arisen from the fact that the resources of the City Coun-

cil for various reasons, amongst which are the losses incurred by what used to be a profitable trading department, are not there to meet the requirements for payment and so this Bill is specific. This is not a Bill. Disinilah fasalnya kita nampak bukan kita pinjam wang untuk membayar gaji-gaji bulan-bulan tetapi untuk satu perkara, satu masalah sahaja, iaitu kita pinjam wang yang diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi kegunaan untuk membayar gaji-gaji dan upahan kepada kakitangan-kakitangan mereka hasil daripada pelaksanaan Lapuran Harun. Sebab itulah kata saya kalau kita bangkang dengan Undang-undang ini dan apa yang kita kata, kita sokong dengan Lapuran Harun, atau kita sokong pekerja-pekerja dapat elaun, ini tidak honest; ini bohong dan kosong sahaja. Inilah tujuan Fasal 5. Nampak saya Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal bukan sahaja mesti baca Rang Undang-undang dalam bahasa Kebangsaan tetapi juga dalam bahasa Inggeris. Barangkali kedua-dua bahasa tidak dibaca. Kalau bacapun dia tidak faham (*ketawa*). Tetapi salah faham-pun di sini, kalau kita bahas saya haraplah Ahli Berhormat boleh terus dapat keterangan darinya. The purpose is only to pay for the allowances and the increases due to the implementation of the Harun Report. So if you support the Harun Report honestly, then you must support it. If you really support that these people, according to the Harun Report, should get these increases in allowances, then you must support the Bill because it is very clear and specific. It doesn't allow for anything else. It doesn't allow us to go and clear up a swamp of 80 acres. Only one thing is to be allowed.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, dengan izin:

I have made my stand and I think my colleagues on the right hand side also have made their stand very clear. We are all supporting the Harun Report but we are against the way the money is raised to pay the salaries due under this Report. So just now the Honourable the Chief Minister has made the

matter very clear to this House. The Lembaga is short of money just because . . . (gangguan).

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, itu telahpun kita bahas dalam jawapan saya. Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal kata kita mesti tukar tujuan dalam Fasal 5 tetapi saya kata, kita tak payah tukar tujuan ini. Kita bawa Undang-undang bukan untuk kerisis tenaga tetapi kita bawa Undang-undang ini ialah untuk pelaksanaan Lapuran Harun. Ini sahaja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya faham, Datuk Speaker, tetapi saya mahu cakap sebab apa kita introduce Rang Undang-undang itu; sebab Lembaga di dalam Pulau Pinang mahu bayar lebih di bawah Bill ini due to the fuel crisis. So why not earlier we bring out the Bill? I always say that I am for the money we borrow for development.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, nampaknya Yang Berhormat membuang masa Dewan ini, ulang-ulang itu juga. Jadi saya tak benarkan Yang Berhormat bercakap lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): O.K.

Fasal 5 dan 6 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundang menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-undang pinjaman kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Tahun 1975 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

(2) Rang Undang-undang Pinjaman (Persekutuan) (Pembangunan Projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan), 1975

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk membenarkan pinjaman wang sebanyak tidak lebih dari \$100 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan untuk membiayai pembangunan projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan, pengambilan tanah yang dikehendaki bagi projek-projek yang tersebut di atas dan bagi semua maksud-maksud bersangkutan dengannya dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang pertama.

Tuan Speaker: Bacaan kali kedua hari apa?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sekarang juga.

Tuan Speaker: Baiklah.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bertajuk satu Enakmen untuk membenarkan pinjaman wang berjumlah tidak lebih \$100 juta dari Kerajaan Persekutuan bagi tujuan untuk membiayai pembangunan Projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan, Pengambilan tanah yang dikehendaki bagi Projek-projek yang tersebut di atas dan bagi semua maksud-maksud bersangkutan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua.

Datuk Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mendapatkan Kuasa Undang-undang dari Dewan ini untuk membolehkan Kerajaan Negeri meminjam sehingga \$100

juta dari Kerajaan Persekutuan bagi tujuan-tujuan membiayai Projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan serta lain-lain tujuan yang berkaitan dengan pembangunan Projek-projek ini sejajar dengan Perkara 111 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Enakmen pertama yang membenarkan Kerajaan Negeri meminjamkan wang dari Kerajaan Persekutuan telah dikuatkuasakan dalam bulan Julai tahun 1967. Enakmen yang pertama ini telah membenarkan Kerajaan Negeri meminjam wang sehingga \$17 juta sahaja bagi tujuan-tujuan yang berkaitan dengan pembangunan perusahaan sahaja. Wang \$17 juta ini telah dipinda pada 12hb Jun, 1971 bagi membolehkan Kerajaan Negeri meminjam wang \$50 juta.

Di bawah kuasa Enakmen yang disebut di atas, Kerajaan Negeri telah meminjam sejumlah \$34,903,678 dengan faedah yang dipermodalkan sebanyak \$7,050,403.55 menjadikan jumlah sebesar \$41,954,081.55. Kita di dalam Dewan ini mestilah mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana mempunyai keyakinan dengan memberikan pinjaman-pinjaman tersebut. Bagi pihak kita pula, kita berazam menjaga keutuhan kredit kita atau *credit-worthiness* menjelaskan hutang-hutang mengikut jadualnya. Perkara-perkara ini kita telah dengar dan di sinilah kita mesti berbahas. Sehingga hari ini sejumlah \$13,764,953.64 yangmana \$3,690,203.07 adalah faedah telah dibayar sejajar dengan perjanjian-perjanjian yang ada dan bakinya sekarang ini adalah \$31,879,330.98.

Datuk Yang Dipertua, sebagaimana yang dinyatakan pada awal tadi, salah satu daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah untuk menambahkan kuasa meminjam dari \$50 juta kepada \$100 juta kerana ini adalah perlu sebab Kerajaan Negeri melalui ejensi pembangunannya, iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, telah melancarkan rancangan-rancangan perbandaran serta pembaharuan perbandaran di dalam Negeri Pulau Pinang. Rancangan-rancangan ini meliputi kawasan bandar baru Bayan Lepas dan projek-projek pembaharuan per-

bandaran kawasan Bandaraya George Town dan rancangan projek-projek di mana Kerajaan Negeri menjalankan dan melaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memerlukan pinjaman, bagi membiayai Projek-projek ini dan sekiranya pinjaman ini diberi oleh Kerajaan Persekutuan, ianya haruslah melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri dengan itu mestilah mempunyai kuasa undang-undang bagi menambahkan had pinjaman dari \$50 juta kepada \$100 juta.

Dengan bertambahnya perbelanjaan pembangunan terutamanya di dalam perlaksanaan rancangan-rancangan perbandaran, had-had baru untuk meminjam hendaklah diperuntukkan di bawah undang-undang. Oleh yang demikian adalah perlu Enakmen yang ada sekarang ini dipinda bagi membolehkan Kerajaan Negeri meminjam sehingga \$100 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan di samping itu meluaskan bidang penggunaan wang-wang itu untuk semua projek-projek pembangunan yang sedang diusahakan dalam Negeri Pulau Pinang dan mengikut perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Kadar pelancaran pembangunan dalam Negeri sekarang ini haruslah dikekalkan walaupun di dalam keadaan aliran tema rosotan ini agar dapat menjaga kedudukan rancangan sosio-ekonomi yang bertujuan meninggikan taraf hidup rakyat Pulau Pinang. Negeri kita hendaklah melengkapkan dirinya untuk menambahkan keupayaan bagi membiayai projek-projek pembangunan dan dalam masa yang sama berusaha mencari punca-punca kewangan yang lain supaya dapat meluaskan bidang projek pembangunan yang sedang dilaksanakan atau yang akan dilaksanakan dalam Negeri ini. Untuk mencapai tujuan tersebut, Negeri ini akan tidak lama lagi menyusul dua Rang Undang-undang baru di mana sumber-sumber kewangan lain dapat digunakan.

Di sini, Datuk Yang Dipertua, adalah perlu kita menimbang satu perkataan yang kita dengar tadi daripada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal. Pada hari itu kita boleh-

lah menjalankan undang-undang yang ada dalam Dewan ini oleh sebab kewangan dalam Negeri ini sesungguhnya kuat.

Datuk Yang Dipertua, dalam usaha-usaha kita membangunkan Negeri ini, Kerajaan akan memastikan agar kita dapat faedah yang paling tinggi dari setiap sen yang dibelanjakan. Dalam perkara itu Kerajaan telah mengetatkan perbelanjaan-perbelanjaan menguruskan bagi memastikan penggunaan yang maksima akan sumber-sumber kewangannya.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, saya bangun bukan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini tetapi saya hendak minta satu *copy* ucapan Yang Amat Berhormat. Kita hendak baca ucapan itu sebab mengandungi banyak *facts* dan *figures* dan saya tidak faham apa yang Yang Amat Berhormat telah cakapkan di sini.

Yang kedua ialah wang yang hendak dipinjam iaitu sebanyak \$100 juta adalah jumlah wang yang besar. Kita tentu hendak simpan ucapan beliau mengenai apa-apa projek yang hendak dilaksanakan. Kita tidak mahu Yang Amat Berhormat kata lagi kita bercakap kosong atau bohong. Apabila balik petang nanti, kita boleh baca ucapan Yang Amat Berhormat. Kita hendak tahu sebab apa dibagi wang ini. Lagi setengah jam kita akan pergi ke suatu jamuan makan. Terima kasih kepada Datuk Speaker. Sebab itulah saya hendak minta. Bolehkah? Saya tahu tentu Yang Amat Berhormat telah memberikan ucapannya kepada akhbar-akhbar. Bolehkah Yang Amat Berhormat beri semua orang satu *copy* ucapan beliau? Kita boleh bawa balik ucapan itu sebab petang ini saya boleh mengambil bahagian dalam perbahasan itu. Saya bertanya. (*ketawa*) bolehkah beri satu *copy*?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, dengan izin. I think this borrowing of copy is between the Honourable the Chief Minister and the Member himself. I think he can do that after lunch. Let me continue.

Will the Honourable Member want to reply to him first before I speak? No, he won't reply.

Tuan Speaker, saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Tuan Speaker, saya minta izin hendak bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

Sir, I know the principle that if you want to borrow money, and if people want to lend you money, your financial position must be strong. It is true, and I agree with what the Honourable the Chief Minister has been telling. But this Bill does not specify for what purpose is the loan to be asked to implement projects that are stated in that Bill. No doubt, Tuan Speaker, it does say the Bill is for the development of industrial, commercial and residential projects. But, for example, what industrial projects, commercial projects residential projects? Or, is it something to do with the Urban Development Centre? We do not know all these things. If the Federal Government wants to lend us \$100 million because our financial position is strong, then I must congratulate the State Government. But I want to know for what purpose is the money to be borrowed. Tuan Speaker, like all the other Bills before the House, the Bill does not provide us the terms of the loan, the interest rates, the charges, the repayment, the manner of repayment. And as \$100 million is a big sum I would strongly urge the Government to defer this Bill so as to enable the Government to table a Paper before the House, so that Members of the Assembly can study the Bill in detail. Otherwise, it is pointless us coming to the Assembly and asking for \$100 million. It amounts to asking us to give the Government a blank cheque. Are these projects productive and beneficial to the State? If we do not know all these things then I am afraid I can't support the principle of the Bill either. As this

is very serious and as the amount is a very large amount, it affects not only the present generation but future generations of the people of Penang. How are we going to repay this loan?

Tuan Speaker, if all the four Bills are passed by the Assembly—which are expected to be passed—it means that the State Government is indebted to a tune of \$205 million and that is *tak campur faedah-faedah* on the loan. And I dare say the Government will not be able to repay this loan. We are in public debt, already \$200 million, and with this Bill it is going to be \$400 million. Can the Government sincerely tell the public that they can repay this Bill? If you dare to tell the people that you can repay it, then I support your Bill. If it is for productive purposes, yes. But what I am against is that it does not specify anything. It is a blank cheque you are asking us to pass to give to the Government to spend—on what projects? As a matter of fact, Tuan Speaker, I would suggest that the Honourable the Chief Minister use his good office and his good relationship with the Federal Government to ask for a grant or at least for part of it rather than for a loan. I will be very brief, Mr Speaker, And I wish to refer to clause 4 where it states that part of the loan is for purposes of acquisition of land. I want the Chief Minister to clarify whether these lands are to be acquired or are already acquired for the Kompleks Angkasa Perdana or the Urban Development Centre. Now if it is the former which means that lands are to be acquired, then will the Chief Minister tell us for what purposes are the lands to be acquired. Now if these lands are already acquired then is the loan to be used as compensation for the acquisition of those lands within the Urban Centre. Sir, this Bill is not dissimilar from the Bill to be passed later on where the State Government is asked to stand guarantee for the P.D.C.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, kita belum lagi sampai kepada perkara itu. Janganlah disebut perkara itu kerana kita sekarang berbahas di atas Bil ini.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Baik, Tuan Speaker.

Obviously, Tuan Speaker, the money to be borrowed is later on to be channelled to the P.D.C. for its use as most of the projects are now taken over by the P.D.C. from the State Government. Sir, I don't wish to go into detail but I want to speak out against the principle of the Bill that the borrowing is for non-specified projects. And as a citizen of Penang it pains me to say that the State is going bankrupt.

Again, the Auditor General has criticized in his report the wasting of public funds by the P.D.C. and the State Government citing a few examples—trip to Adelaide again and the building of the Catamaran boat at \$170,000.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, saya tidak benarkan bawa perkara lain selain dari Bil ini.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Ya, Tuan Speaker.

But this the Auditor General has stated in his Report: that he criticises the wastage of public funds. If we have the funds, Tuan Speaker, why do we want to borrow money again? That is why we are in a very difficult state to debate because we do not know for what purpose the loan is for.

In conclusion, Tuan Speaker, I say the Government is a spending—spree Government and this must stop if Penang is to recover from its ailing economy which is made worse by the world-wide economic depression. For the reasons stated above, Tuan Speaker, I also oppose this Bill.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, (gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, boleh saya membawakan Peraturan 46? Sebenarnya, Yang Berhormat daripada Bagan Jermal telah bercakap. Jadi, beliau tidak dibenarkan bercakap sekali lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi saya telah minta kepada Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): 46 (ix).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ya, tetapi saya telah minta, bukan bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan itu. Saya hendak minta sahaja kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri satu *copy* ucapan beliau. Itu sahaja, bukan hendak mengambil bahagian dalam perbahasan itu. Sebab itulah saya bangun sekali lagi dan bercakap sekali lagi. Betulkah? Tuan Speaker boleh buat keputusan itu.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, walau bagaimana sekalipun kalau Ahli Yang Berhormat baca *Standing Order* itu, Ahli Yang Berhormat telah bercakap, oleh itu saya tidak benarkan bercakap sekali lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bukan, Tuan Speaker, saya telah bertanya dahulu tetapi Tuan Speaker tidak membuat *ruling* samada boleh bercakap atau tidak. Kalau cakap kali ini lain kali tidak boleh bercakap. Ini betul kerana kita hendak seal up the mouths of the people's representatives here. Why? I have asked for permission before. Let's be fair.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, itu saya tidak sebut hendak bagi *ruling* sebab Ahli Yang Berhormat cuma baca di situ sahaja. Saya tidak benarkan bercakap sampai dua kali.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, this is very unfair. He did not even take part in the debate yet. I mean he asked in simple language and I ask Members of the Government side to be fair. Did he take part in the debate? Don't be technical about it.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat masih ingat iaitu pada masa dahulu di mana mula-mula kita berbahas di sini, Yang Berhormat dari Bayan Lepas begitu juga dan *ruling* saya beliau tidak boleh bercakap sampai dua kali. Dahulupun macam itu juga, tidak boleh bercakap sampai dua kali.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Hari ini saya bukan bercakap. Saya bangun hendak minta kepada Ketua Menteri samada beliau boleh beri satu *copy* ucapan beliau. Itu sahaja.

Tuan Speaker: Keputusan saya adalah muktamad. Saya tidak benarkan bahas perkara ini lagi.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, I regret to say this is a very undemocratic way to run the State Assembly—with due respect to you, Tuan Speaker. If we stand up even to ask a question and then it is considered we have taken part in the debate then we might as well pack up and go—no point in sitting here.

Tuan Speaker: Saya ingatkan Ahli Yang Berhormat iaitu keputusan saya adalah muktamad. Ahli Yang Berhormat sila duduk. Saya tidak benarkan bahas dengan saya perkara ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini tidak patut.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Mengikut maksud mula-mula tadi, tujuan beliau hendak berbahas. Tetapi manakala beliau bercakap, beliau berkata sekiranya Ketua Menteri boleh beri *copy* ini. Erti yang sebaliknya ialah kalau beri, kalau tidak beri, tidak bercakap. Itulah yang menerangkan cakapan-cakapan beliau tadi. Selesai semua sekali. Mengapa hendak bercakap sampai dua kali?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, boleh teruskan keputusan Datuk Speaker?

Tuan Speaker: Keputusan saya ialah muktamad dan saya tidak benarkan bercakap sekali lagi.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya rasa Rang Undang-Undang ini ialah satu Rang Undang-Undang yang jelas sungguhpun ada sedikit kegagalan sebab Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal tidak boleh mengambil bahagian jika saya tidak beri satu *copy*. Saya ingat apa yang saya kata tadi adalah senang sekali.

Kuasa yang ada dalam Dewan ini boleh meluluskan pinjaman wang. Dalam tahun 1967 kuasa Dewan ini adalah diminta untuk pinjaman sebanyak \$17 juta dan dalam tahun 1971 kita menaikkan jumlah pinjaman daripada \$17 juta hingga \$50 juta dan hari ini apa yang kita minta ialah menaikkan jumlah pinjaman daripada \$50 juta hingga \$100 juta. Ini adalah senang dan jelas sekali. Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam kata jika kita yakin yang kita boleh bayar balik wang itu, maka barulah kita membuat pinjaman. Tetapi, dalam ucapan saya, saya telah berkata apabila kita pinjam \$34.9 juta lebih, kita bayar sertamerta wang yang dipinjam untuk modal dan faedah. Ini menunjukkan *creditworthiness* Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam berkata Negeri Pulau Pinang sekarang ini *bankrupt* dan lain-lain lagi. Saya boleh jawab balik. Jika satu bahagian atau satu badan hendak meminjam wang daripada mana-mana bank atau Kerajaan Persekutuan tetapi *creditworthiness*-nya tidak cukup maka ianya tidak boleh meminjam wang itu. Kita tidak boleh dapat wang itu. Di masa sekarang, di mana berlaku rosotoflasi di seluruh dunia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakyat mestilah merasa gembira kerana mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Ahli daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam tadi telahpun membangkitkan satu perkara dan kali inipun mengenai perkara ini. Jangan pinjam wang tetapi minta geran. Saya berharap bersungguh-sungguh jika Kerajaan Persekutuan boleh beri geran kepada Kerajaan Negeri, ini adalah lebih baik. Oleh sebab Kerajaan Negeri yakin yang ianya boleh bertanggungjawab di atas segala wang yang dibelanjakan untuk rancangan-rancangan pembangunan ekonomi kita, maka ianya mesti tanggung apa yang ia boleh. Dengan ini ia sesungguhnya bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan.

Tadipun Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam kata jika kita ambil wang lagi banyak daripada Kerajaan

Persekutuan seharian rakyat mesti bayar balik wang itu; taxpun lagi banyak. Ini adalah 'robbing Peter' to pay Paul'. Apa yang kita buat di sini bukan kita ingat kita tidak bayar balik dan bukan kita hendak curi dari lain-lain orang. Apa yang kita pinjam yang kita kira untuk *feasibility* yang kita ada kita boleh bayar balik dan apa yang kita tunjuk dahulu iaitu wang yang kita pinjam kita telahpun bayar balik; bukan kita tidak bayar balik. Ini menunjukkan bagaimana berjaya Negeri Pulau Pinang menjalankan rancangan-rancangan pembangunan untuk rakyat Negeri kita. Saya harap Yang Berhormat Ahli-Ahli terima prinsip ini. Yang Berhormat Ahli-Ahli tidak payahlah main perli di sini, bangkitkan dan ulangbalik dua-tiga kali Rang Undang-Undang. Ini senang sahaja.

Sungguh-sungguh di masa sekarang ada beberapa bahagian pinjaman perumahan murah, bahagian pinjaman untuk pembangunan Kawasan Perusahaan Perai, untuk Pihak Berkuasa Air dan lain-lain pinjaman. Negeri Pulau Pinang telah mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah sampai \$121,000 tetapi ini tidak termasuk kesemua dalam bahagian Kerajaan Negeri sebab lain-lain pihak berkuasa ada kuasa untuk pinjaman sendiri. Tetapi wang yang kita pinjam dahulu kita yakin kita boleh bayar balik dan saya hendak jawab bahawa wang yang kita pinjam bukanlah sahaja untuk rancangan-rancangan yang tidak ditunjukkan dalam Rang Undang-Undang. Fasal 4 dalam Rang Undang-Undang telah mengatakan sebab apa kita pinjam wang ini. Tetapi kalau kita, dalam satu rancangan di luar, hendak bawa *detail* rancangan ini untuk mana-mana industri, untuk mana-mana bahagian *commercial*, ini bukan tujuan Rang Undang-Undang. Tujuannya ialah untuk memberi kuasa kepada Negeri meminjam wang daripada Kerajaan Persekutuan dan di sini saya berasa bangga dan gembira melapurkan kepada Dewan ini, iaitu Kerajaan Persekutuan telah bersetuju meminjamkan wang kepada kita. Tetapi kalau kita

hendak ambil pinjaman ini kita mestilah ada Rang Undang-Undang yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri.

Saya juga mesti kata iaitu berapa banyak Auditors-General dari seluruh dunia telah masuk dalam Negeri kita, berapa banyak Menteri-Menteri Kewangan dari negeri lain yang melawat di Negeri kita dan berapa Menteri-Menteri Pembangunan juga datang melawat di Negeri kita, dan apabila dalam masa lawatan itu mereka mendapat taklimat mengenai rancangan-rancangan pembangunan Malaysia, mereka berkata bahawa rancangan-rancangan pertama, kedua dan rancangan ketiga yang sekarang dalam persediaan untuk pelan Malaysia adalah rancangan yang baik sekali dalam dunia. Oleh sebab itu apabila kita bawa masalah pinjaman kepada Kementerian Kewangan dan Kerajaan Persekutuan tentulah Kementerian menimbangkan samada rancangan-rancangan kita berguna atau sungguh-sungguh ada *feasibility* atau tidak, barulah Kementerian meluluskan pinjaman bagi kita.

Sebab itu saya ingat bukan kita tidak tunjuk rancangan-rancangan yang kita hendak jalankan dalam Rang Undang-Undang ini tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam tidak faham bagaimana kita cari wang ini dan bagaimana kita hendak bayar balik. Tetapi jika beliau sungguh-sungguh baca, beliau akan dapati bahawa kita menjalankan rancangan-rancangan kita bukanlah mengambil lapuran seperti yang dikatakan oleh Auditor-General sahaja. Baru-baru ini saya telah berjumpa dengan satu *delegation* Juru Odit dari Negeri-Negeri Commonwealth, dan dalam Majlis ini saya berkata bahawa dalam Malaysia, dan dalam Negeri Pulau Pinang sendiri, kita selalu menjaga kewangan yang kita pegang dengan teliti, dan Auditor-General boleh menolong bagaimana di hari depan kita boleh melaksanakan projek-projek dengan lebih baik.

What I said was that we must not treat the Auditor-General's Accounts as examples of criticisms. What Auditors-General do in actual fact is to help us to improve our methods of

development and our methods of accounting. That is their main function, and I think that is generally accepted by people who know their business and who know them well.

Datuk Yang Dipertua, saya ingatlah perkara ini adalah besar jumlahnya—\$100 juta—tetapi saya ingat saudara-saudara saya Yang Berhormat dalam Dewan ini berasa yakin bersama saya bahawa Negeri kita mempunyai cukup kekuatannya dalam kewangan dan bahawa Negeri kita boleh cari pinjaman yang banyak. saya haraplah Yang Berhormat Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang pun bersetuju dan menyokong akan Rang Undang-Undang yang saya bawa ini.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang dalam Jawatan-kuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatan-kuasa.

Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, dan Fasal 5 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-Undang Pinjaman (Persekutuan) (Pembangunan Projek-Projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan), tahun 1975 telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.53 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

(3) Rang Undang-undang Pinjaman (Bank-bank) (Pembangunan Projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan) 1975

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen untuk membenarkan pinjaman wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh juta ringgit (\$50,000,000) daripada Bank-bank bagi tujuan untuk membiayai pembangunan Projek-Projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan, pengambilan tanah yang dikehendaki bagi projek-projek yang tersebut di atas dan bagi semua maksud-maksud bersangkutan dengannya' dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.

Tuan Spenker: Bacaan yang kedua hari apa?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sekarang juga.

Tuan Speaker: Baiklah.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bertajuk 'Suatu Enakmen untuk membenarkan pinjaman wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh juta ringgit (\$50,000,000) daripada Bank-bank bagi tujuan untuk membiayai pembangunan Projek-Projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan, pengambilan tanah yang dikehendaki bagi projek-projek yang tersebut di atas dan bagi semua maksud-maksud bersangkutan dengannya' dibacakan bagi kali yang kedua.

Peruntukan Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Negeri hanya boleh meminjam di bawah Kuasa Undang-Undang Negeri. Penyusunan Rang Undang-Undang

ini ialah untuk mendapatkan kuasa bagi membolehkan Negeri meminjam dari Bank-bank wang sejumlah \$50,000,000. Wang yang dipinjam di bawah peruntukan Rang Undang-Undang ini, hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan pembangunan Projek-Projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan, pengambilan tanah bagi tujuan projek-projek tersebut dan bagi semua maksud yang bersangkutan dengannya.

Datuk Yang Dipertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini, pasti ingat, terdahulu dari ini apabila saya mengusulkan suatu Rang Undang-Undang saya telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menggunakan sumber-sumber kewangan yang lain dari sumber Kerajaan Persekutuan bagi perlaksanaan projek-projek pembangunan di dalam Negeri ini. Tambahan lagi, Kerajaan Negeri ingin menggiatkan sektor swasta mengambil bahagian yang lebih besar di dalam rancangan-rancangan kita.

Datuk Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini dan Rang Undang-Undang yang berikut di dalam Sunsunan hari ini ialah 2 Rang Undang-Undang yang sungguh bawa Negeri kita kepada suatu peringkat baru di dalam masalah kewangan Negeri. Dan saya harap Yang Berhormat Ahli-Ahli di dalam Dewan ini sesungguhnya terima apa yang telah kita bincangkan tadi dan di mana kita telah menunjukkan berkenaan dengan wang pinjaman yang Kerajaan Negeri telah pinjam daripada Kerajaan Persekutuan—menunjukkan projek-projek yang telah kita laksanakan di dalam Negeri kita. Sekarang beri lagi Kerajaan Persekutuan suatu keyakinan besar kepada Kerajaan Negeri. Tetapi masa sekarangpun kita mesti sedia peruntukan hari depan pula. Kerajaan Negeri mestilah mencari wang-wang pinjaman daripada bank-bank di dalam Negeri kita sendiri dan di lain-lain negeri. Pada masa dahulu bila kita minta wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, kita dapat pinjaman dengan faedah yang rendah sekali iaitu 2%, 3% sampai 6½%. Tetapi di dalam 2 atau 3 tahun bila seluruh dunia

menghadapi inflasi, faedah telah dinaikkan sampai 14% atau 15%. Dan pada masa sekarang susahlah Kerajaan mendapat lagi wang-wang pinjaman dengan bayaran permodalan jangka panjang dan faedah yang rendah sekali. Sebab itu, kita ingat wang pinjaman yang kita boleh dapat daripada bank-bank sendiri di dalam Negeri kita ialah dengan faedah untuk *prime rate* yang sesuai di masa sekarang untuk rancangan pembangunan yang kita sekarang sedia.

Tetapi Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan inipun mesti faham mengikut Perkara 111 (2) Perlembagaan Persekutuan pinjaman daripada bank-bank yang Kerajaan Negeri hendak cari ialah untuk setahun sahaja dan pinjaman ini mestilah mengambil persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan. Sebablah masa pinjaman ini pendek sampai 12 bulan sahaja—ini kira-kira boleh katapun pinjaman serupa ini ialah *bridging finance* untuk setahun dan *constraint* yang kita ada ialah kita mesti dapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Rang Undang-undang dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, sebelum saya memberi ucapan saya, saya mahu ucapkan selamat tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas kerana knowledge beliau berkenaan dengan Peraturan Dewan ini cukup baik, bolehlah lawan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Tetapi Rang Undang-undang ini ialah satu Rang Undang-undang yang serupa dengan Rang Undang-undang yang diluluskan pagi ini. Sebab itulah ucapan yang saya berikan pagi tadi saya sekarang beri yang serupa juga. Sebab itulah sayapun tidak beri susah. Datuk Speaker, saya minta izin juga jikalau saya bercakap dalam bahasa Inggeris dan di mana saya boleh saya bercakap dalam bahasa Malaysia.

Datuk Speaker, dalam Rang Undang-undang yang diluluskan pagi ini ialah sebanyak \$100,000,000. Rang Undang-undang ini jikalau diluluskan sebanyak \$50,000,000 dan lagi satu Rang Undang-undang kita mahu bahas bagi P.D.C. ialah sebanyak \$50,000,000. Semua sekali 4 Rang Undang-undang dibuat di dalam Dewan ini—semua berjumlah sebanyak \$205,000,000.

Datuk Speaker, di dalam tahun dahulu Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini bahawa hutang kepada Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak \$83,303,000. Hutang kepada Asian Development Bank sebanyak \$16,000,379. Lagi ada 2 Anggaran Pembangunan yang diluluskan pada tahun 1974 dan 1975—satu ialah \$22,185,000 dan satu lagi sebanyak \$23,000,561. Now, semua sekali, *added together*, Datuk Speaker, Negeri kita dapat pinjaman jumlah sebanyak \$350,000,000. Now, if we were to assume faedah faedah itu 8%, tiap-tiap tahun kita kena bayar faedah-faedah kepada pinjaman sebanyak \$28,000,000; dan kita *assume* jikalau Kerajaan Persekutuan ataupun bank-bank beri kita 10 tahun untuk membayar balik wang pinjaman itu, setahun kita kena bayar balik jumlah sebanyak \$35,000,000. Inilah jumlah faedah-faedah dan pinjaman-pinjaman bayar balik semua sekala \$63,000,000 tiap-tiap tahun.

Datuk Speaker, Anggaran-anggaran Negeri kita tiap-tiap tahun diberi di dalam Dewan ini ialah sebanyak \$30,000,000 sahaja. Macamana kita boleh cari wang bayar faedah-faedah dan pinjaman-pinjaman bayar balik?

Datuk Speaker, the Government may change every five years. The Honourable the Chief Minister may retire any time if he wishes. But the burden of all these loans and interests will be born by our people. So, Sir, I too really consider that if this Bill together with the other Bills are passed and committed to our people in this way it is something like a rope to tie the hands, feet and neck of our people and their children, and their children's children. Datuk Speaker, I ask the Honourable Members of the Government to search

their conscience. They elected you to this Assembly. Should we use a rope to tie them in the years to come?

Datuk Speaker, di dalam Pilihanraya tahun 1969, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Datuk Keramat ada menghentam Kerajaan Alliance sebab apa banyak meminjam dan macamana hendak membayar balik. Lagi, dia showed a piece of paper giving—I don't know how many figures are in it—a lot of figures and asked the people: 'Do you think it is right to borrow that much money and burden our next generation with the payment?' Sir, I ask the Honourable Member for Datuk Keramat to think about what he had said in that year and what is his attitude towards the borrowing of today.

Datuk Speaker, I am not going into the criticism of the purpose for which the loan is raised because we have not got the detailed prospectus to show how the Government intends to use all this money and how the Government intends to pay back in the future. But here I really feel that we must consider how we should raise the money for our projects.

Hari ini, jikalau Kerajaan mahu wang untuk pembangunan, Kerajaan kita tidak ingat macamana boleh dapat wang; ia pinjam saja. Di mana boleh pinjam ia pinjam. Betul, our State financial position today is strong. That is why we can borrow from here and there. But what happens one day if we are not so strong when our children grow up?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, dengan izin: The question now is which comes first? The hen comes first or the egg comes first? I thought if the P.D.C. wants the money, they must have the plan for which the money is to be used before we can bring the Bill up in this House. But according to the Honourable the Chief Minister as explained just now, there is no plan yet. But we get the money first, put it there and we then think of the plan for which to use the money. I can't see the logic of the whole thing. What I see is that we have a project ready, we have acquired or we have reclaimed land and we want to provide infrastructure; so we need \$50 million or \$100 million. Then we think of how to raise the money. But what the Honourable the Chief Minister had said is, we get the money and put it there; so we can get the money, and then we plan on how to spend the money. I think Sir, that is a wrong way of tackling the Bill altogether. Don't you think so?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya minta izin. Saya berharap jika saya boleh beri keterangan ini bersungguh-sungguh, Yang terhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal dapat menyokong Bil ini.

You see, what is the hen must come first. The hen is this Assembly. Without the hen we cannot borrow and we cannot guarantee. So we must have this law. Without this law up to now the Development Corporation has been carrying out its projects through funds that are raised by loans and through indirect loans by the Government. What we are providing now is the situation whereby the Government may give guarantee to projects in the future. Now, the amount that we are safeguarding is that it should not exceed \$50 million. Now, these projects will be submitted, but they will, however, now have two avenues of funding; instead of funding from loans indirectly through the State Government the funding can now come directly through bank guarantee. Obviously, projects that require subsidy will not be sustained by bank-borrowing because bank-borrowing is much too high for subsidised projects. We have to seek the loans through the assistance of the Federal Government, and that will come under State projects. The Development Corporation projects which are commercialized and therefore dealing with commercial bank rates will then have a new source of funding. So what is happening now is we must have a Legislative authority before we can proceed. Now Honourable Members are asked only on this principle: Whether we will continue only to seek funding through loans from the Federal Government—and these loans are becoming more and more difficult, or whether or not there are projects within the Development Corporation which can be funded through local banks. Now, unless we have an enactment such as what we are debating today, giving authority for the State Government to guarantee these loans, then we cannot proceed along this avenue. I hope the Honourable Member will understand this. So what has been done and carried out by the Development Corporation is carried out through loans. In future the Penang Development Corporation will have two sources of financing: One through loans and one through the bank. I hope the Honourable Member can understand that.

Jika ini memberi keterangan, saya berharap Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal dapat menyokong Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 dan Fasal 4, dan tajuk penuh dan fasal yang mengundang menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-undang Jaminan Pinjaman (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), 1975, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

5. USUL-USUL.

(A) Usul oleh Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman:

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli tambahan Jawatankuasa Kira-kira Awam bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 109A sebagaimana yang dipinda oleh Pg. P.U. 23.

yang bertarikh 19hb Jun, 1975:

- (1) Y.B. Encik Wong Choong Woh, J.P.
- (2) Y.B. Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.

Datuk Speaker, pada 8hb April, 1975, Dewan ini telah meluluskan satu Usul melantik 4 orang Ahli dari Dewan ini. Seterusnya, di Mesyuarat yang sama, Dewan juga telah meluluskan satu Usul untuk memakai atau mengeluarkan satu Lapuran Jawatankuasa

Peraturan-peraturan Mesyuarat yang telah membuat beberapa pindaan-pindaan atas Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang ini, yangmana pindaan-pindaan itu telahpun disiarkan dalam *Warta Kerajaan* yang bertarikh 19hb Jun, 1975.

Datuk Speaker, salah satu daripada pindaan-pindaan itu melibatkan Peraturan Mesyuarat 109A, perenggan (2), dan dengan pindaan ini keahlian Jawatankuasa Kira-kira Awam ditambahkan dua orang lagi iaitu daripada empat orang kepada enam orang Ahli Dewan ini. Jadi, buat masa sekarang adalah perlu bagi kita untuk menambahkan bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut. Usul saya ini bertujuan untuk menambahkan keahlian Jawatankuasa yang dinamakan itu.

Datuk Speaker, dengan sewajarnya, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli tambahan Jawatankuasa Kira-kira Awam bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 109A sebagaimana yang dipinda oleh Pg. P.U. 23 yang bertarikh 19hb Jun 1975:

- (1) Y.B. Encik Wong Choong Woh, J.P.
- (2) Y.B. Encik Samsuddin *alias*, Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Datuk Yang Dipertua, saya monyokong Usul ini.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, dengan izin. I agree, and I am happy that there are two more members to be added to this Jawatankuasa Kira-kira Awam, and what I would like to say is that in accordance with the Parliamentary democratic practice, an Opposition Member, especially the Opposition leader, is usually appointed as Chairman of the Public Accounts Committee because we are examining the accounts of the Government. So in accordance with this Parliamentary democratic practice, I was thinking—I am not try-

ing to move an amendment—of making a suggestion to the Honourable Member for Bayan Lepas whether he would consider appointing the Honourable Member for Pekan Bukit Mertajam who is acknowledged as an Opposition Member here to be a Member of the Public Accounts Committee. Then in that case the ratio of the Public Accounts Committee would be four Government Members to two Opposition Members. Tuan Speaker, again in accordance with the ratio of the Members that are sitting in this House we can work it out that for every six Members there is one Opposition Member. So I think my suggestion for putting up Ahli Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam would be a proper one, but I would like the Honourable Member for Bayan Lepas to consider my proposal. That is all I want to say.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, kami akan menimbangkan cadangan tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): That is my suggestion. Whether you accept it or not is up to you. I did not move an amendment. If I had moved an amendment then it would be a different story altogether.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

6. PENANGGUHAN.

Ketua Menteri: Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan saudara-saudara Ahli Yang Berhormat sekalian. Pada petang ini saya berpeluang bercakap sesuatu dalam Majlis yang mulia ini. Tidaklah sesiapa jua dapat menafikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormatlah yang telah berdamping rapat dengan rakyat jelata di kampung-kampung dan juga di bandar.

Datuk Speaker, tujuan saya bercakap pada petang ini ialah berkenaan rakyat pendalaman iaitu di kampung-kampung, bilamana seseorang itu datang melawat ke Pejabat-pejabat Kerajaan atau Separuh Kerajaan dengan tujuan menyelesaikan beberapa masalah kerap kali mereka ini tidak mendapat layanan yang baik. Juga, masalah-masalah yang dihadapkan kepada pejabat itu sangat lambat dan kurang memuaskan.

Datuk Yang Dipertua, kita sedia maklum iaitu orang-orang daripada pendalaman yang datang itu ialah orang-orang miskin. Kedatangan mereka itu sungguhpun sedikit perbelanjaan yang telah dikeluarkan, tetapi pada anggapan mereka adalah satu perkara yang berat. Selain daripada itu juga, banyak masa mereka terbuang. Mereka telah meninggalkan pekerjaan mereka yang tidak dapat ditunaikan.

Jika orang Melayu datang ke Pejabat-pejabat itu dengan pakaian Melayu, iaitu berpakaian sarung dan berbaju kurung, demikian juga orang Cina dengan pakaian kecinaan, demikian juga dengan orang Tamil, apa yang mendukacitakan kita ialah, jangankan kerani, hinggakan budak-budak peonpun tidak ada minat langsung untuk menejur-sapa dengan memberi layanan kepada mereka. Tetapi manakala seorang yang datang berpakaian *necktie* dan tangannya menyeluk saku dan menccek pinggang dan matanya memerhati ke kanan dan ke kiri—dari segi tatasusila manusia yang begini adalah manusia yang kurang sopan-santun tetapi lebih anih dan menggelikan hati, manusia yang beginilah yang mendapat layanan yang baik dan lumayan hingga budak-budak pejabat itu diarah untuk mengangkat bangku dan dipersilakan duduk. Jika amalan ini diamalkan di pejabat saya sangat dukacita kerana setahu kita keadaan dan pemerintahan sekarang adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan kita Parti Barisan Nasional hanya diberi amanah untuk memerintah, harus Kerajaan Barisan Nasional akan terjejas. Amalan yang begini kita telah bersama-sama bersusah-payah menggali lubang dan telah kita kuburkan setelah tercapainya kemerdekaan. Oleh yang demikian saya berharap kita hendaklah ingat balik

akan amanat yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah merujuk kepada jentera-jentera Kerajaan supaya pihak jentera-jentera Kerajaan atau kakitangan Kerajaan dapat berhubung dan saling mengerti dengan rakyat-jelata. Dan saya juga berharap bahawa kakitangan pejabat, manakala menemui rakyat yang datang ke pejabat, tidak akan berkatalagi: 'Oh' Pejabat ini banyak kerja—awak boleh tunggu di luar sebentar' atau 'Hari ini pejabat ini banyak kerja—besok boleh datang', atau 'Perkara ini tidak begitu mustahak. Tunggu sampai saya memberitahu kelak.' Perkataan-perkataan yang begini adalah perkataan-perkataan yang meracun hati dan fikiran rakyat. Dengan sebab itu saya berharap segala rayuan rakyat kepada pejabat-pejabat Kerajaan haruslah ditunaikan, ditunjuk dan diberi layanan yang layak. Sikap sombong dan bongkak itu tidak harus ditunjuk kepada rakyat-jelata. Dan lagi, sekiranya ada kesulitan perkara-perkara di pejabat-pejabat, itu tidaklah patut diberitahu kepada rakyat-jelata atau diperdengarkan kepada rakyat-jelata kerana ini adalah kewajipan tiap-tiap pejabat kita. Dengan yang demikian saya berharap *image* Kerajaan kita tidaklah begitu dipandang rendah oleh rakyat jelata.

Sekian, terimakasih.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya ucapkan terimakasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam kerana beliau membangkitkan masalah-masalah yang dialami oleh penduduk-penduduk di kampung dengan kekurangan perhatian yang diberi kepada mereka ketika mereka datang ke jabatan-jabatan Kerajaan untuk membuat pertanyaan dan mencari penjelasan kepada masalah-masalah yang mereka hadapi. Ini satu perkara yang kita di dalam Dewan ini, semua Yang Berhormat Ahli-ahli Wakil Rakyat, mesti selalu menjaga *image* kita sendiri dan di mana boleh, saya di sini menjamin Kerajaan mengambil tindakan yang berat mengenai perkhidmatan awam di Negeri ini.

Di sini juga saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan ini bahawa memang menjadi dasar Kerajaan Negeri supaya semua kakitangan Kerajaan Negeri memberi perhatian yang segera dan bersopan-santun setinggi-tinggi upaya mereka kepada orangramai tanpa mengira taraf mereka dalam masyarakat, dan apa-apa yang dibawa di dalam ucapan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam saya fikir selalu terjadi dan kita mesti menjaga masalah itu dan saya harap Setiausaha Kerajaan bersungguh-sungguh mengambil tindakan segera.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Terimakasih.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, saya dengan hormatnya suka menarik perhatian Kerajaan Negeri dan badan-badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri supaya berusaha untuk menolong dalam semua bidang kegiatan-kegiatan ekonomi Bumiputra dengan mengadakan tempat-tempat dan kompleks-kompleks perniagaan bagi tiap-tiap kawasan perusahaan Negeri yang sedang membangun sekarang.

Sebagai contoh, saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya membina dahulu bangunan-bangunan perniagaan di tempat-tempat yang ramai didiami oleh kalangan Bumiputra seperti di pekan Kepala Batas, Tasek Glugor, Penaga, Kuala Muda, Telok Ayer Tawar, kawasan Penanti, Kubang Semang, Bayan Lepas dan lain-lain kawasan lagi. Dengan cara yang beginilah baru pihak Bumiputra dapat berkecimpung dalam bidang perniagaan yang agak lebih sedikit daripada yang ada sekarang dan ini membuktikan yang Kerajaan Negeri memberi kerjasama untuk memajukan Bumiputra dalam kegiatan ekonomi bagi menyahut seruan Kerajaan Persekutuan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Datuk Speaker, perkara ini saya bangkitkan di sini bagi menunaikan kehendak orang-orang dari golongan Bumiputra yang sangat ingin untuk berkecimpung di dalam bidang perniagaan dalam Negeri ini. Jadi dengan itu saya menyeru kepada Kerajaan

Negeri dan badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan supaya mengambil daya utama bagi mendirikan kawasan-kawasan perniagaan dan menyewakan kepada penduduk-penduduk yang berminat dalam lapangan perniagaan. Jika tempat-tempat yang disebutkan di atas menunjukkan bukti bahawa perniagaan mereka telah maju, Kerajaan Negeri dan badan-badan yang ditubuhkan itu bolehlah membina pula di tempat-tempat yang lain yang lebih maju lagi. Saya yakin jika masalah-masalah ini dapat diatasi dengan baik dan jujur, kita akan dapat mengurangkan sedikit masalah penyertaan penduduk-penduduk kalangan Bumiputra, khususnya dalam bidang perniagaan dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Saya rasa setakat inilah yang dapat saya ucapkan di dalam Dewan ini. Terimakasih.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya berasa amat gembira kerana Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tasek Glugor dapat membangkitkan cadangan untuk memperuntukkan tapak-tapak bagi perniagaan Bumiputra.

Saya meyakinkan beliau bahawa Kerajaan Negeri dan juga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, dan sebuah Jawatankuasa baru untuk Bumiputra dalam bidang perniagaan yang ditubuhkan baru-baru ini, akan memberi pertimbangan yang teliti atas cadangan beliau dan saya percaya bahawa kedua-dua Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan akan juga mengambil ingatan atas perkara yang telah dicadangkan oleh beliau dan akan membuat seberapa yang boleh untuk mengendalikan rancangan-rancangan yang sesuai untuk menolong peniaga-peniaga Bumiputra di dalam kawasan mereka masing-masing.

Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan sekali lagi keazaman Kerajaan Negeri untuk melaksanakan semua usaha dalam kuasanya demi menolong mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama di mana harta dan kekayaan Negara dapat dibahagikan dengan seimbangnyanya di antara rakyatnya. Tanpa ini adalah susah bagi kita untuk mencapai matlamat perpaduan Negara

kita. Oleh yang demikian, adalah satu usaha yang mendesak bagi kita untuk mencari segala jalan dan ikhtiar untuk membantu kaum Bumiputra dalam berkecimpung di dalam usaha-usaha perniagaan. Cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tasek Glugor sepatutnya diberi setiap pertimbangan yang wajar. Inilah satu perkara yang kita mesti ambil perhatian yang berat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Datuk Speaker, saya meminta Kerajaan Negeri memberi perhatian segera kepada masalah perumahan di daerah Nibong Tebal. Dalam tempoh enam tahun yang lalu tidak ada satu yunit pun rancangan perumahan dibina dalam daerah ini. Dengan yang demikian kekurangan yang tidak sihat telah diujudkan.

Dalam kampung-kampung dan perkampungan, rakyat mempunyai rumah-rumah yang rendah mutunya dan di-setengah tempat kaum India masih menduduki di kuci-kuci dalam pecahan ladang yangmana keadaannya sangat menyedihkan dan begitu juga dari segi kesihatan dalam kes-kes yang tiada kemudahan bekalan letrik dan air.

Dalam keadaan begitu, bagaimanakah kita mengharapkan mereka itu dapat membaiki dan memajukan diri mereka atau masa depan anak-anak mereka? Inilah golongan rakyat luarbandar, perkampungan, dan ladang yang mana perkhidmatan sosial telah tidak diberi pandangan kepada mereka.

Saya mendesak kepada Kerajaan supaya melancarkan rancangan perumahan murah bagi rakyat dalam daerah Nibong Tebal sebagai menunaikan janji-janji yang selaras dengan polisi Barisan Nasional bagi mengadakan projek rumah murah. Oleh sebab keadaan inflasi yang memuncak, maka hasrat dan harapan kebebasan memiliki harta telah lenyap samasekali. Namun saya suka menekankan terhadap Kerajaan Negeri bahawa ianya masih mempunyai masa yang panjang bagi menuaikan kehendak rakyat bagi mendapat rumah murah disamping melaksanakan keutamaan dasar Kebangsaan dengan melancarkan rancangan perumahan murah dengan menggunakan kayu-kayu.

Rumah-rumah papan ini adalah murah pembinaannya dan dapat menemui kehendak rakyat, tidak seperti di pekan-pekan besar dan bandaraya. Oleh itu saya mendesak Kerajaan membina rumah murah jenis papan di daerah Nibong Tebal supaya mengurangkan masalah kekurangan perumahan. Rumah-rumah tersebut hendaklah berharga tidak lebih dari \$3,000 hingga \$4,000 supaya ianya mencapai maksud dan makna rumah murah yang sebenar-benarnya. Oleh itu saya berharap tindakan segera hendaklah diambil selaras dengan cadangan-cadangan kami ini.

Terimakasih.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya ucapkan terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tambun. Dalam ulasan-ulasan yang dikemukakan oleh beliau ialah masalah bolehkah kita mendapat satu rumah berharga \$3,000 atau \$5,000 dari kayu-kayan. Itu satu perkara yang kita sekarang sedang siasat dan saya mengambil peluang berkata di sini, di dalam rancangan-rancangan untuk Rancangan Malaysia Yang Ketiga Kerajaan Negeri ada projek yangmana termasuk projek perumahan murah di kawasan Bukit Tambun di daerah Nibong Tebal. Ini satu perkara yang berbangkit di dalam ucapan beliau yang Kerajaan ambil berat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy): Datuk Yang Dipertua, setengah-setengah orang pandang amat mulia akan Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang, iaitu satu projek kemajuan bandar yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Akan tetapi, projek ini akan menyebabkan kesusahan yang teruk kepada beratus-ratus tuanpunya tanah, pedagang-pedagang, penyewa-penyewa rumah dan penyewa-penyewa bilik yangmana rumah-rumah itu akan diruntuhkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang telah mengambilnya dengan sewenang-wenangnya.

Blok rumah-rumah pangsa di Kompleks Angkasa Perdana ini mempunyai 202 yunit, tetapi ianya terlalu sedikit lagi mahal pula bagi kaum buruh. Setakat ini, tidak ada maklumat bagaimana masalah perumahan semula ini

hendak diuraikan. Dalam hubungan ini, adalah diperhatikan bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang telah mengisytiharkan beberapa hari dulu cadangannya hendak melaksanakan beberapa rancangan rumah murah di Taman Free School, Jalan Kedah, Jalan Batu Lancang, Leboh Cintra dan Batu Uban.

Datu Yang Dipertua, oleh itu saya mengesyurkan supaya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menimbangkan kemungkinan memperolehi satu konsesi, ataupun memajak buat semen'aranya setengah yunit rumah dari cadangan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang untuk keluarga-keluarga yang malang ini yang telah diminta berkorban begitu besar dan memerlukan bantuan peri kemanusiaan.

Datuk Yang Dipertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris. Sir, I would like to speak on a matter of very grave concern with regard to the role of the Kompleks Angkasa Perdana, Pulau Pinang or the urban development projek undertaken by the Penang Development Corporation. It is being planned on a big scale that hundreds upon hundreds of property owners, together with a similar number of traders, chief tenants and sub-tenants who will soon be uprooted from their homes which are earmarked for demolition through the arbitrary acquisition of their dwellings by the P.D.C. These people have for generations lived in this area but will soon become displaced persons with nowhere to go. Some of them are elderly, sick and infirm; besides there are countless numbers of little children. The block of flats in the Kompleks Angkasa Perdana with 202 units, presumably planned to relocate these families are inadequate to meet the demand. Further these flats are luxurious units which the labour class cannot afford.

In the absence of any statement regarding the re-housing of these unfortunate families. I venture to suggest one possible solution which could enable to ease the impending housing crisis. In this connection, it is stated that L.P.K.T., Pulau Pinang has a few days ago announced its proposal to build a number of low-cost housing schemes at

Taman Free School, Jalan Kedah, Jalan Batu Lancang, Leboh Cintra and Batu Uban.

Datuk Yang Dipertua, Sir, I therefore suggest that the Penang Development Corporation examine the feasibility of provisionally acquiring a concession, or leasing temporarily, a number of units of the proposed-low cost housing schemes of the L.P.K.T. Pulau Pinang, for these displaced families until such time when the P.D.C. puts up alternate dwellings for these unfortunate citizens who are called upon to make big sacrifices and are most in need of humanitarian existence.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan berbilang terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota, atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beliau berkenaan dengan masa hadapan penduduk-penduduk yang terlibat oleh projek Pembangunan Bandar dan projek Pembaharuan Bandar yang dikendalikan sebagai Kompleks Angkasa Perdana, Pulau Pinang.

Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan akan untuk masa hadapan bagi penduduk-penduduk yang terlibat oleh projek ini. Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab yang dipilih oleh rakyat untuk berkhidmat kepada rakyat dan oleh yang demikian ia akan menjaga kepentingan rakyat tersebut. Rekod Kerajaan selalu menunjukkan bahawa ia selalu menjaga kepentingan rakyat kita khususnya mereka-mereka yang terlibat oleh projek pembangunan tetapi juga menentukan agar faedah-faedah hasil dari pembangunan dan kemajuan adalah dibahagikan dengan seimbangny.

Adalah menjadi dasar Kerajaan selalu untuk mengelakkan dari mengakibatkan kesusahan yang tidak wajar di atas rakyat kita apabila melaksanakan projek-projek yang boleh mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi di dalam Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, patutlah diberi penghargaan dan penerimaan bahawa apabila satu-satu pembangunan berlaku terdapat sebilangan penduduk-penduduk yang akan terlibat oleh pembangunan yang

akan dikendalikan itu. Ini tidak dapat dielakkan kerana sudah tentu ada sedikit-sebanyak gangguan dalam kehidupan rakyat. Tetapi tidak akan berlaku jika gangguan seperti ini boleh dikurangkan dan penduduk-penduduk yang terlibat diberi peluang-peluang yang lebih baru dan lebih baik, maka saya fikir Kerajaan telah menaikkan objektif-objektif pembangunannya. Akan tetapi terdapat kekurangan masa di antara permulaan sesuatu projek daripada penyelesaian semasa perseediaan gantian yang lebih baik bagi mereka-mereka yang terlibat sedemikian. Oleh yang demikian dengan mengambil ingatan selalu akan satu masa hadapan yang lebih baik rakyat yang berkenaan patutlah mempunyai sedikit kesabaran dan menunjukkan kesanggupan oleh kerana pembangunan yang sedang dijalankan adalah untuk faedah mereka.

Datuk Yang Dipertua, berkenaan dengan projek Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang, saya ingin memaklumkan Ahl-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa tapak bagi projek ini telah dipilih selepas satu kajian dan tinjauan yang teliti. Adalah hasil dari kajian-kajian sedemikian yang tapak-tapak tersebut telah dipilih yangmana melibatkan hanya sebilangan kecil rakyat. Sebenarnya di dalam perlaksanaan fizikal projek ini, rancangan tersebut telah diperingkatkan dalam satu cara di mana terdapat hanya gangguan aktiviti yang minima di dalam kawasan ini. Tambahan pula mereka-mereka yang terlibat boleh ditempatkan semula bukan sahaja di dalam kawasan projek tetapi disekitar kawasan berjiran, yangmana pembangunan telah dirancang dan juga di dalam bandar Bayan Lepas yang baru. Rancangan di kawasan-kawasan berjiran serupa tapak-tapak Taman Free School dan tapak Kedah Road yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari kawasan Pengkalan Kota. Dengan memberikan peluang-peluang di dalam kedua-dua kawasan pembangunan dan pusat perumahan ini. Kerajaan adalah menentukan agar rakyat akan berpeluang bukan sahaja untuk meneruskan lagi dengan pekerjaan-pekerjaan sekarang bahkan juga mempunyai peluang-peluang yang lebih baik lagi bagi mencapai kemajuan di masa-

masa hadapan. Pembangunan di dalam kawasan berjiran dan bandar Bayan Lepas yang baru telah dirancang dengan tujuan memenuhi keperluan menempatkan semula penduduk-penduduk yang terlibat oleh projek Kompleks Angkasa Perdana. Oleh yang demikian, perkara tentang menunggu sehingga satu saat akhir untuk mengatasi masalah tidak berbangkit. Kerajaan Negeri adalah mengawasi rancangan pembangunan perumahan yang dilancarkan di mana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan diwakili melalui Penyelaras ini. Semua rancangan perumahan yang dicadangkan di dalam Negeri di bawah pengelolaan Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan adalah dilaksanakan untuk menentukan agar ia dapat berkhidmat kepada rakyat kita, dan juga dalam mengujudkan satu taraf hidup yang lebih baik bagi mereka. Oleh yang demikian, segala rancangan ini adalah terbuka kepada semua di dalam Negeri termasuk mereka di dalam Kawasan Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang dan saya berharap Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota mengambil perhatian yang berat beruntuk tujuan yang kita sekarang bertanggungjawab berat di dalam Dasar Ekonomi Baru, iaitu rancangan serupa rancangan Kompleks Angkasa Perdana mestilah membawa faedah untuk kaum Bumiputra. Sebab itu bukan sahaja kita mesti jaga dengan orang-orang yang duduk ditempatkan itu tetapi projek itu mestilah membuka peluang kepada Bumiputra daripada semua bahagian di dalam Negeri kita.

Saya ingin menyakinkan bukan sahaja Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota, bahkan juga Dewan ini dan rakyat, bukan sahaja mereka yang terlibat tetapi rakyat Pulau Pinang pada amnya, bahawa dalam sesuatu rancangan pembangunan pihak Kerajaan di dalam Negeri selalu mengambil perhatian atas keperluan-keperluan rakyat dan faedah yang berhasil daripadanya. Rancangan-rancangan pembangunan yang dikendalikan adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan sebagaimana semua Ahli

Yang Berhormat sedar adalah untuk menyusun semula masyarakat untuk membasmi kemiskinan dengan tujuan utama mencapai satu masyarakat 'Malaysia yang benar-benar bersatupadu. Oleh itu, di dalam semua-semua projek dan khususnya di dalam rancangan Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang perkara-perkara ini selalu diambil ingatan dan pertimbangan dalam perancangan yang telah ditentukan bahawa projek ini akan merupakan satu contoh perancangan yang bertanggungjawab untuk mencapai pembangunan yang disatukan. Oleh itu, tidaklah perlu bagi sesiapa yang merasa bahawa projek ini akan mengakibatkan kesan-kesan yang buruk terhadap rakyat kerana projek ini adalah dirancang bersama-sama dengan projek pembangunan yang lain di dalam Negeri untuk mengujudkan faedah yang lebih banyak lagi kepada rakyat.

Datuk Yang Dipertua, rakyat di dalam Negeri Pulau Pinang di dalam masa yang lalu telah menyambut cabaran-cabaran yang telah menunjukkan kesanggupan dan juga sokongan mereka kepada Kerajaan di dalam usaha-usaha ini. Oleh yang demikian, saya merayu kepada mereka yang terlibat oleh projek ini supaya menunjukkan sifat yang sama yang mereka adalah memahami bahawa kami baru sahaja hendak memulakan projek ini yang akan mengambil masa sekurang-kurangnya 10 tahun lagi untuk menyelesaikannya. Akan tetapi, selepas projek ini siap bersama dengan pembangunan di dalam Bandaraya dan Bandar Bayan Lepas dan kawasan berjiran, mereka akan mendapat dan memperolehi faedah dan peluang-peluang kemajuan serta menikmati satu taraf hidup yang lebih baik lagi.

Datuk Yang Dipertua, saya minta izin ulang balik dalam bahasa Inggeris. The matter brought up by the Honourable Member for Pengkalan Kota is an important one and I assure him although the physical implementation of this project may cause a certain amount of dislocation, the Government will try to minimise it as much as possible. He himself has referred to the projects that the L.P.K.T. is undertaking in the neighbourhood areas and these projects

in the Taman Free School and Kedah Road are so co-ordinated with the implementation of the Urban Centre Project that the people living in the area will be given as soon as possible and I hope he will convey this message to his Constituency.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Tuan Speaker, dengan keizinan tuan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Dewan ini bahawa pada beberapa masaalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni di Seberang Perai, terutamanya mereka-mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

Perkara pertama dan yang terpenting sekali ialah masaalah tanah iaitu tanah untuk pembinaan rumah-rumah dan untuk pertanian. Penduduk-penduduk yang berada di luar bandar lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di kampung-kampung baru menghadapi kekurangan tanah yang hebat sekali. Banyak permohonan untuk mendapatkan tanah samada untuk pembinaan rumah ataupun untuk bercucuk tanam adalah dikesampingkan tetapi buat sedemikian lama masih tidak ada keputusan tetap yang diambil ke atas perkara tersebut. Rakyat tidak tahu apa telah terjadi ke atas permohonan mereka. Banyak rancangan tidak dapat dilaksanakan adalah diakibatkan oleh penangguhan. Kami sedar dan insaf bahawa semua ini memakan masa yang panjang untuk memproses permohonan-permohonan tersebut tetapi jikalau ianya mengambil bertahun-tahun untuk mendapatkan sesuatu keputusan maka tidaklah boleh dikatakan bahawa ini adalah memuaskan dan efficient. Beberapa permohonan untuk memperolehi T.O.L. telah ditangguhkan. Kerana kalau T.O.L. dikeluarkan berdasarkan jangka pendek yang boleh diambil balik maka ianya patut dilayani dengan segera. Kalau Kerajaan Negeri tidak ada cukup tanah untuk dibagikan kepada tiap-tiap keluarga bagi pembinaan rumah, Kerajaan patutlah mengadakan lebih banyak sekim perumahan terutama sekim-sekim perumahan yang murah untuk rakyat di luar bandar yang berpendapatan rendah, supaya dapat mengatasi masaalah kekurangan rumah-rumah di Negeri ini.

Perkara yang kedua yang saya ingin mengemukakan di sini ialah masaalah berkenaan dengan pemeliharaan babi oleh petani-petani. Ada keluarga-keluarga mengadakan pemeliharaan babi secara kecil-kecilan di luar bandar sebagai kerja sambilan untuk menambahkan pendapatan mereka. Kami sangat-sangat menghargai usaha Kerajaan yang baik ini untuk mengekalkan sa'au standard yang sihat untuk memelihara babi tetapi kalau kita menekankan bahawa pemelihara-pemelihara babi harus memenuhi segala syarat-syarat yang ditentukan ataupun mereka haruslah memelihara binatang-binatang itu di tempat yang beberapa batu jauhnya daripada rumah-rumah mereka, maka ini menyebabkannya tidak ekonomikal dan kadang-kadang ternakan babi itu tidak mungkin dijalankan. Pada hakikatnya oleh kerana kebanyakan penternak-penternak babi adalah miskin sekali sebab itu dianggap bahawa sekurang-kurangnya buat sementara ini Kerajaan patutlah lebih *sympathetic* dan lebih *liberal* dengan pengeluaran lesen-lesen ternakan babi. Manakala ternakan babi tetap diadakan sebagai satu pekerjaan sambilan bagi keluarga-keluarga maka ianya tidak mungkin bahawa keluarga-keluarga berkenaan akan menaruh minat bagi mengambil bahagian dalam ternakan babi di satu tempat bersama yang ditetapkan, yang jauh daripada rumah-rumah mereka. Maka adalah dirasakan bahawa sebagai gantinya bagi mengadakan ternakan babi secara besar-besaran di tempat yang ditetapkan beberapa batu jauhnya daripada rumah penternak-penternak, lebih baik beberapa tempat ternakan babi bersama yang *small-size* diadakan supaya penternak-penternak yang tinggal berdekatan dengannya dapat sampai ke tempat-tempat itu dengan mudah.

Tuan Speaker, perkara yang ketiga yang saya mengambil berat ialah masaalah bekalan elektrik dan air paip. Negara kita telah mencapai kejayaan yang besar dalam berbagai-bagai lapangan sejak 20 tahun yang lalu. Walaupun demikian, pada dewasa ini masih terdapat banyak lagi kawasan di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan bekalan elektrik dan air paip. Oleh sebab-sebab yang tersebut ini telah melambatkan kadar ke-

majuan kita dan tambahan pula kesihatan rakyat kita juga terpengaruh. Banyak permohonan telah dikemukakan kepada pihak yang berkuasa dan banyak projek pula diluluskan, tetapi pelaksanaan bagi kesemua itu adalah dijalankan dengan lambat sekali. Umpamanya, projek-projek bagi Bukit Minyak dan Tok Suboh untuk tahun-tahun 1973 dan 1974 belum dijalankan lagi. Ada banyak sebab-sebabnya projek-projek tersebut ditangguh-tangguhkan, iaitu termasuk kekurangan bahan-bahan. Tetapi semua itu bukan tidak dapat dibereskan jikalau usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dibuat.

Di sini, saya bukan hendak *complain* mana-mana *department* yang tertentu yang patut beranggungjawab di atas semua penangguhan itu, tetapi saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya memberi pertimbangan dan keutamaan terhadap kemudahan bekalan elektrik dan air paip yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat yang tinggal di daerah-daerah di luar bandar itu. Sebagai satu langkah peralihan atau untuk sementara waktu, stenpaip-stenpaip patutlah dibekalkan terutamanya di kampung-kampung yang terpencil di mana air paip masih belum dibekalkan lagi.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini selalu terdapat lampu-lampu di jalan-jalan dan di lorong-lorong padam dan rosak. Juga, perkhidmatan yang diadakan oleh L.L.N. adalah tidak memuaskan. Kami diberitahu bahawa bahan-bahan yang tertentu itu kadang-kadang tidak mencukupi ataupun kehabisan, dan jabatan yang berkenaan itu selalu kekurangan kakitangan. Perbuatan-perbuatan jenayah mudah berlaku apabila lampu-lampu di jalan-jalan itu selalu padam dan rosak. Ini telah terjadi pada bulan-bulan yang baru-baru ini. Demi untuk kepentingan dan kebajikan rakyat yang berada di luar bandar terutamanya bagi kanak-kanak sekolah, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil berat masalah yang tersebut dan ambillah tindakan yang sewajarnya.

Terimakasih.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya ucapkan berbanyak terima-

kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau dalam ucapannya. Dasar-dasar amnya telah diambil ingatan dan Ahli Yang Berhormat tentulah sedar bahawa pendapat-pendapat beliau adalah selaras dengan dasar Kerajaan. Oleh yang demikian, beliau patutlah menghargai pada setiap masa bahawa pihak Kerajaan berazam untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dalam sektor-sektor pembangunan dan rancangan-rancangan Kerajaan yang telah beliau rujukkan di mana perlaksanaan tetap dikekalkan. Sekatan-sekatan biasa bagi perlaksanaannya biasanya ujud apabila membincangkan masalah-masalah tanah dan T.O.L. pada amnya. Secara ringkas, ini akan mengambil masa dan usaha yang terbanyak untuk memperbaiki taraf hidup am dalam Negeri. Bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat membangkitkan perkara-perkara dan masalah-masalah yang tertentu melalui saluran-saluran yang sewajarnya, maka perkara-perkara yang tertentu itu boleh diulangkaji dengan lebih berkesan lagi oleh Jawatan kuasa Tindakan Negeri.

Datuk Yang Dipertua, masalah kedua ialah berkenaan dengan pemeliharaan pemeliharaan babi. Saya suka memberitahu Ahli-ahli dalam Dewan ini bahawa Kerajaan tidak menggalakkan pemeliharaan babi secara kecil, bukan sahaja kerana ianya tidak berekonomik, bahkan kadang-kadang ternakan babi secara kecil yang terleak di tempat-tempat yang tidak sesuai di seluruh Negeri akan membangkitkan masalah-masalah sensitif yang dihadapi oleh satu kaum yang tidak berkaitan dengan kerja-kerja ini. Kerajaan lebih suka menyatukan kandang-kandang ternakan babi supaya kawalan keadaan sekelilingnya yang sesuai dapat dikekalkan (Centralised Hog Rearing Scheme). Seterusnya, adalah juga menjimatkan jika perlu, diuntukkan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur yang asas bagi sekim-sekim seperti ini. Di samping itu, adalah diketahui iaitu bagi sebuah kandang ternakan babi yang menguruskan secara ekonomik, ianya patutlah memelihara sekurang-kurangnya 200 ekor babi.

Masaalah yang ketiga yang dibawa, beberapa perkara yang sungguh-sungguh mengingatkan saya, ialah berkenaan L.L.N. adalah agensi yang utama bagi membekalkan bekalan letrik dan Pihak Berkuasa Air bagi melaksanakan bekalan-bekalan air khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Masaalah-masaalah penyelarasan di antara Kerajaan Negeri dan agensi-agensi ini khasnya yang melibatkan keutamaan-keutamaan dalam pelaksanaan, memerlukan pengenalan yang sabar dan teliti dan juga kajian-kajian kemungkinan dalam mana-mana satu projek. Dengan cara ini, tugas Kerajaan Negeri akan dimudahkan lagi sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat membangkitkan projek-projek yang tertentu, khasnya di dalam Kawasan Pilihanraya beliau sendiri untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri.

Kerajaan Negeri adalah sentiasa sedar bahawa masih terdapat banyak kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mempunyai bekalan letrik dan air paip. Walaupun keadaan-keadaan dalam Negeri ini tidak begitu buruk apabila dibandingkan dengan keadaan-keadaan yang ujud di tempat-tempat lain, namun demikian Kerajaan Negeri berazam

untuk memperuntukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik bagi kemudahan infrastruktur yang asas ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat fahamkan, agensi-agensi yang mengendalikan kedua-dua kemudahan ini terpaksa menghadapi banyak masaalah seperti kumpulanwang dan bahan-bahan dalam melaksanakan rancangan bekalan letrik dan air ini di kawasan-kawasan luar bandar. Walaupun sesuatu projek telah diluluskan, namun masaalah-masaalah sedemikian mungkin memerlukan halangan-halangan pelaksanaan yang segera dan akibatnya projek itu tergendala.

Datuk Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Air Negeri akan selalu menimbang untuk memasang paip-paip awam sebagai satu langkah sementara—only for a temporary measure—di mana bekalan-bekalan air tidak dapat disambungkan dengan mudah atau dengan segera ke kawasan-kawasan kampung-kampung yang memerlukannya. Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian terhadap sebarang aduan berkenaan dengan kedua-dua kemudahan perkhidmatan ini dengan L.L.N. dan P.B.A.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang.